Struktur bahasa bermaksud satu cara yang mengabungkan bahagian kecil sesuatu yang dibentuk sehingga menjadi satu keseluruhan, misalnya tubuh manusia merupakan satu struktur yang terdiri daripada bahagian kecil yang bergabung. Dari segi struktur makna pula, ia merujuk kepada bagaimana sesuatu perkataan yang membina dalam sesuatu ayat itu berperanan dan memberikan makna ayat itu secara keseluruhannya, iaitu yang menunjukkan hubungan makna antara butir kosa kata. Dalam istilah yang lain, ia disebut sebagai semantik struktural, iaitu yang menjelaskan hubungan antara makna perkataan dalam sesuatu ayat dengan bagaimana makna tersebut dapat dicipta daripada elamen yang lebih kecil.

Untuk menerangkan struktur makna tersebut kita mulakan dengan melihat sejauh mana kemungkinan kita memperoleh makna semantik dengan memberikan penekanan pada struktur makna ayat. Kita ambil contoh penggunaan ujaran yang menggunakan kata nafi. Kita boleh menghasilkan dua ayat bercanggah antara satu sama lain dengan menggunakan kata nafi pada predikat ayat tersebut. Sebagai contoh, jika ayat 'Mastura seekor kucing' adalah betul, bermaksud 'Mastura bukan seekor kucing' adalah salah, palsu atau tidak benar. Apabila dua preposisi berada dalam keadaan sedemikian, kita mengatakan preposisi tersebut bercanggah antara satu sama lain. Pada umumnya, terdapat pasangan perkataan dalam sesuatu bahasa yang dapat memberikan gambaran yang bercanggah seperti itu, misalnya perkataan lelaki dan perempuan, hidup dan mati, tinggi dan rendah, baik dan jahat, bulan dan matahari dan sebagainya.

Contoh yang lain ialah jika ayat ‘Nani seorang budak perempuan’ adalah betul, bermakna ‘Nani seorang budak lelaki’ adalah salah. Namun demikian, ayat ‘Nani bukan seorang budak perempuan’ yang menggunakan kata nafi pada predikat ayat akan membawa makna yang lain pula, iaitu ‘bukan seorang budak perempuan’ boleh membawa makna ‘Nani seorang budak perempuan’ bahawa Nani seorang ‘dewasa’ ‘wanita’, ‘isteri’ dan ‘ibu’. Berdasarkan contoh ayat tersebut menunjukkan perkataan ‘lelaki’ dan ‘perempuan’ mempunyai makna rujukan yang khusus kepada individu yang dimaksudkan. Ia mempunyai nilai makna spesifik berbanding penggunaan kata ‘bukan perempuan’ atau ‘bukan lelaki’ kerana ia menimbulkan andaian pada makna perkataan tersebut. Justeru, struktur makna boleh membawa interpretasi (pemberian kesan, pendapat, tafsiran) yang berbeza melalui penggunaan perkataan tertentu dalam ayat.

3.2 Jenis – jenis Makna

3.2.1 Makna Denotatif

Denotatif ialah aspek makna sesuatu kata atau kumpulan kata yang berdasarkan rujukan. Contohnya, denotasi ‘meja’ seperti yang terakam dalam kamus ialah ‘perkakas rumah (diduat daripada papan, batu dan lain-lain) yang berkaki’. Makna denotatif ialah makna yang diterima umum yang mempunyai rujukan yang sama. Contohnya, makna denotatif bagi ‘binatang’ ialah ‘mahluk yang bernyawa dan tidak berakal’ (kamus linguistik, 1997).

Makna denotatif merujuk kepada makna sebenar kata atau makna literal. Sebagai contoh, makna denotatif bagi kata ‘buaya’ ialah haiwan reptilia yang hidup di dalam air, bersisik, berkaki empat dan memakan manusia. Makna denotatif bagi kata ‘bunga’ pula ialah bahagian tumbuhan yang biasanya berwarna-warna dan berbau harum. Denotatif tidak melibatkan perbezaan atau persamaan bunyi, sebutan atau ejaan sesuatu kata.

Secara umumnya, denotatif dirujuk sebagai makna tersurat, iaitu kata-kata yang membawa makna langsung atau makna dasar sesuatu kata. Beberapa istilah lain yang ada kaitan dengan makna denotatif ialah.

1) Makna referensial, konseptual, ideasional—makna yang menunjukkan hubungan rujukan tentu antara kata dengan objek atau idea yang dilambangkan atau disebut juga sebagai makna rujukan.

2) Makna kognitif—makna yang dapat dicapai oleh rasional manusia. Makna ini menggunakan kata-kata yang jelas dan faktual serta berkaitan dengan bahasa ilmiah.

3) Makna preposisi—makna yang terdiri daripada perkara yang dinyatakan dalam bentuk ayat nyata selapis yang bersifat fakta dan logik.

3.2.2 Makna Konotatif

Konotatif ialah aspek makna sesuatu kata atau kumpulan kata yang berdasarkan perasaan dan tanggapan yang timbul dalam pemikiran penutur atau penulis dan pendengar atau pembaca contohnya, ‘kancil’ membawa konotasi ‘cerdik’. Makna konotatif ialah makna yang lebih luas maksudnya daripada makna denotatif dan melibatkan perasaan. Contohnya, makna konotatif bagi ‘binatang’ ialah orang yang tidak berperikemanusiaan (kamus linguistik,1997).

Secara umumnya, konotasi juga dirujuk sebagai makna tersirat, iaitu kata-kata yang mempunyai makna tambahan di samping makna sebenar. Makna konotatif berlawanan daripada makna denotatif, iaitu makna yang bukan sebenar atau makna bukan literal. Sebagai contoh, makna konotatif kata ‘buaya’ ialah ‘manusia yang berkelakuan ganas’. Manakala makna konotatif kata ‘bunga’ pula ialah ‘anak dara’. Sama seperti denotasi, konotasi juga tidak melibatkan perbezaan atau persamaan bunyi, sebutan atau ejaan sesuatu kata.

Konotatif ada kaitan dengan budaya sesuatu masyarakat, misalnya warna ‘merah’ bagi masyarakat cinta mempunyai konotatif ‘kebimbiraan’ dan ‘kejayaan’. Justeru, penggunaan kata yang mempunyai makna konotatif boleh membawa implikasi, sama ada negatif atau positif. Jika kata yang kita gunakan mempunyai konotatif yang salah, ia boleh menyinggung perasaan orang yang berkenaan. Sebagai contoh, perkataan ‘perempuan’ dan ‘betina’ mempunyai makna konotatif yang berbeza walaupun merujuk kepada jantina. Perkataan ‘betina’ hanya sesuai digunakan kepada binatang dan jika digunakan bagi merujuk kepada manusia, iaitu seorang perempuan ia seperti menyamakan perempuan itu mempunyai sifat kebinatangan. Demikian juga perkataan ‘langsing’ dan ‘kurus kering’ juga mempunyai makna konotatif yang berbeza. Seorang wanita lebih suka jika dikatakan badannya langsing daripada kurus kering walaupun ternyata badannya memang sangat kurus. Perhatikan penggunaan makna konotatif bagi kata-kata yang berikut:

Mati	meninggal	mangkat
------	-----------	---------

Wafat	gugur	berpulang
-------	-------	-----------

Kesemua kata tersebut membawa makna 'jiwa telah bercerai daripada tubuh'. Berdasarkan makna sedemikian kata-kata itu hanya sesuai digunakan kepada manusia dan haiwan atau sesuatu yang bernyawa. Namun demikian kata-kata tersebut mempunyai makna konotatif yang tersendiri dan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya, sama ada kepada manusia atau haiwan. Sebagai contoh, perkataan 'mati' lebih sesuai digunakan kepada binatang berbanding dengan perkataan 'meninggal' atau 'gugur'.

Perkataan 'meninggal', 'mangkat', 'wafat', 'gugur' dan 'berpulang' bermaksud 'kembali ke rahmatullah' dan masing-masing mempunyai nilai emotif yang berbeza. Perkataan 'meninggal' dan 'berpulang' digunakan secara umum kepada semua manusia yang sudah tidak bernyawa dan biasanya digunakan dalam bentuk frasa 'meninggal dunia' atau 'berpulang ke rahmatullah'. Perkataan 'mangkat' pula membawa makna konotatif yang menggambarkan 'kebesaran' dan 'keagungan'. Perkataan ini khusus digunakan kepada raja-raja dan kerabat diraja bagi menggambarkan kebesaran mereka. Perkataan 'gugur' pula membawa makna konotatif nilai 'kepahlawanan'. Manakala perkataan 'wafat' membawa makna konotatif 'kemuliaan'. Tegasnya, makna konotatif ada kaitannya dengan emotif dan nilai tertentu.

3.2.3 Makna Penutur dan Makna Ujaran

Aspek kajian semantik yang lebih tinggi dari aras kata dan ayat ialah melihat makna penutur dan makna ujaran. Makna penutur atau dalam bahasa Inggeris disebut *speaker meaning* merupakan makna sebenar yang hanya diketahui oleh penutur dan ia amat berkait rapat dengan konteks. Dalam erti kata bahawa kita tidak mungkin tahu apa sebenarnya yang tersirat dalam minda bahawa kita tidak mungkin tahu apa sebenarnya yang tersirat dalam minda penutur jika kita tidak melihat konteks pertuturan itu berlaku. Makna ujaran atau dalam bahasa Inggerisnya disebut *utterance meaning* pula mempunyai dua aras, iaitu jika ia mengabaikan konteks, bermakna kita memproses ujaran itu menggunakan asas linguistik semata-mata, maka ia samalah seperti makna ayat (makna ayat telah pun dijelaskan sebelum ini). Sebaliknya, jika makna ujaran itu diproses dengan mempertimbangkan konteks ia diujarkan, maka ini bermakna ia merujuk kepada makna penutur. Tegasnya, makna penutur dan makna ujaran mempunyai persamaan dari segi masing-masing dianalisis dengan melihat konteks ia berlaku.

Dalam buku ini, makna penutur dan makna ujaran merujuk kepada perkara yang sama. Makna tersebut dilihat dari aspek penggunaan bahasa, iaitu makna dalam pengertian yang lebih luas yang melampaui batas linguistik formal. Analisis sedemikian berupaya untuk menjelaskan aspek makna yang tidak boleh dihuraikan dengan berdasarkan perkataan demi

perkataan atau struktur ayat seperti penjelasan makna ayat. Menurut Fromkin dan Rodman (1983:188-193) makna yang terkandung dalam sesuatu ujaran dapat menghubungkan antara penutur dengan pendengar. Makna tersebut bukan sahaja berkaitan dengan konteks tertentu, malahan keseluruhan perlakuan pertuturan dan situasi ujaran itu sendiri memberikan makna. Oleh itu, makna penutur dan makna ujaran dikatakan sebagai kajian penting dalam bidang pragmatik dan sentiasa menjadi perbincangan para pengkaji penggunaan bahasa.

Ujaran yang mengandungi makna penutur boleh membawa dua pengertian, iaitu:

- a) Ujaran yang dilafazkan berkaitan dengan kriteria linguistik.
- b) Perlakuan yang terkandung dalam ujaran yang berkaitan dengan kriteria pragmatik.

Makna ujaran berkait rapat dengan makna tatabahasa, manakala makna penutur mempunyai jangkauan yang lebih luas daripada itu. Makna penutur merujuk kepada apa sebenarnya yang ingin diperkatakan oleh penutur. Hal ini menunjukkan garis pemisah antara makna ujaran dengan makna penutur ditentukan oleh konteks. Justeru, makna penutur dapat diketahui dengan melihat konteks dan kontekslah yang menyebabkan makna penutur itu menjadi jelas dan dapat difahami oleh pendengar.

Sehubungan itu, Thomas (1995:158) menyamakan makna penutur dengan makna kontekstual. Beliau berpendapat makna penutur mempunyai dua aras, iaitu aras pertama ialah makna ujaran dan aras kedua ialah kuasa ujaran. Kedua-dua perkara tersebut mempunyai hubung kait yang erat. Makna ujaran dapat dimengerti sebagai pasangan konteks ujaran. Kuasa ujaran pula merujuk kepada fungsi komunikatif penutur. Sebagai contoh, 'Adakah ini kereta kamu?' yang ditanyakan oleh seseorang tentang kereta kepunyaan individu tertentu, memang tiada keaburan rujukan tentang 'kereta' dan 'kamu'. Oleh itu, kita tidak menghadapi masalah untuk memahami makna literal ujaran penutur. Namun demikian, terdapat masalah untuk memahami makna penutur yang tersirat di sebalik pertanyaan tersebut. Kemungkinan penutur ingin menyatakan kekagumannya terhadap kereta itu, tidak suka akan bentuknya atau membuat komen kerana kereta itu menghalang laluan keretanya. Justeru, jika kita gagal memahami makna ujaran, bermakna kita juga gagal dalam memahami makna penutur.

Sperber (1995: 191-9) berpendapat makna ujaran dan makna penutur perlu dibezakan. Ahli bahasa terdahulu lebih memberikan perhatian kepada makna ujaran. Makna ujaran terkandung dalam jenis ujaran yang dilafazkan oleh penutur secara spontan kerana ia merupakan sesuatu yang kita gunakan tanpa disedari. Sebaliknya, makna penutur merupakan suatu perkara yang memerlukan kita membuat interpretasi atau penjelasan untuk mendapatkan maknanya. Ia melampaui batas makna ujaran, kaya dengan kandungan yang

tidak langsung dan dapat menggambarkan tujuan sebenar penutur. Mengenal pasti makna penutur merupakan suatu proses yang abstrak, iaitu tidak dapat dilihat atau dirasai melalui pancaindera. Makna penutur dapat diinterpretasikan dengan melihat dan mengamati konteks ujaran yang dilafazkan.

Sesetengah ahli pragmatik menggunakan istilah makna implisit (Grundy, 1995: 36-67 dan Verrshueren, 1999: 25-36) bagi menggantikan makna penutur yang merujuk kepada makna yang tidak dinyatakan secara terus oleh penutur. Mereka mengatakan dalam perbualan seharian, penutur kadang kala segala memilih untuk menuturkan ujaran yang mengandungi makna implisit atau tidak langsung. Hal ini antara lain kerana penutur memperoleh faedah daripadanya dan dapat mengelakkan tanggapan negatif pendengar atau untuk tujuan tidak menjelaskan orang lain. Bagi masyarakat Melayu yang amat menekankan nilai, tatasusila dan budaya, ujaran implisit/tidak langsung mempunyai peranannya yang tersendiri kerana membolehkan penutur menyatakan dan melahirkan kritikan dan komen tanpa memalukan orang berkenaan di hadapan khalayak atau mengelakkan penutur dianggap sebagai tidak bersopan. Selain itu, penutur menggunakan ujaran implisit/tidak langsung kerana keinginan untuk membuatkan bahasa itu indah dan menarik serta meningkatkan penegasan atau kesan terhadap maklumat yang hendak disampaikan.

Dalam keadaan tertentu makna implisit/tidak langsung lebih banyak digunakan daripada ujaran yang membawa makna langsung, terutama sekali apabila mengemukakan permintaan dan memberikan arahan. Sekurung-kurangnya terdapat tiga strategi untuk menjadikan permintaan atau arahan yang kita lakukan nampak lebih sopan dan beradab, iaitu:

1. Mengemukakan permintaan dalam bentuk pertayaan.
“Mungkin saya boleh bercuti pada minggu hadapan?”
2. Meminimumkan desakan terhadap arahan/permintaan.
“Berikan masa anda untuk menjawab soal selidik ini.”
3. Memohon maaf sebelum mengeluarkan arahan/permintaan.
“Maafkan saya, anda perlu mengalihkan kereta anda.”

Kebiasaannya, penutur tidak menuturkan makna implisit/tidak langsung secara sewenang-wenangnya kerana individu itu sendiri dan budaya penutur bahasa memainkan peranan dalam soal menentukan bila, di mana dan bagaimana mereka boleh

menggunakannya. Terdapat dua faktor penting yang menyebabkan seseorang penutur menuturkan makna implisit/tidak langsung.

a) Kuasa

Kita cenderung menggunakan derajat makna implisit yang tinggi terhadap orang yang mempunyai kuasa atau autoriti berbanding orang lain. Misalnya, ujaran kita akan lebih bersifat implisit atau tidak langsung apabila bertutur dengan rakan atau adik-beradik. Hal ini kerana menjadikan kita mempunyai kuasa dan boleh mempengaruhi kerjaya kita, sama ada secara positif atau negatif. Di sekolah pula, guru dikatakan mempunyai kuasa daripada pelajar. Hal ini menunjukkan kuasa ada kaitannya dengan institusi, norma dan jangkaan dan bukan semestinya pada usia yang lebih tua.

b) Jarak Sosial

la berkaitan dengan hubungan secara hierarki antara penutur dengan pendengar (Locher, 2004:31-2). Ia termasuklah status, umur, jantina dan keakraban yang kesemuanya dapat menentukan derajat penghormatan yang perlu diberikan dalam situasi perbualan. Misalnya, jika kita rasa kita rapat dengan seorang kerana orang itu mempunyai pertalian dengan kita atau kita mengenalinya secara dekat atau ada persamaan umur, jantina, pekerjaan dan sebagainya, kita akan sasa kurang perlu untuk menggunakan makna implisit/tidak langsung.

3.3 Kesimpulan

Struktur bahasa bermaksud satu cara yang mengabungkan bahagian kecil sesuatu yang dibentuk sehingga menjadi satu keseluruhan, Jenis – jenis makna dalam ilmu semantik mempunyai beberapa jenis seperti makna semantik denotatif dan makna konotatif. Makna denotatif ialah aspek makna sesuatu kata atau kumpulan kata yang berdasarkan rujukan. Manakala makna konotatif pula, ialah aspek makna sesuatu kata atau kumpulan kata yang berdasarkan perasaan dan tanggapan yang timbul dalam pemikiran penutur. Selain itu, makna penutur dan makna ujaran ialah melihat makna penutur dan makna ujaran. Makna penutur merupakan makna sebenar yang hanya diketahui oleh penutur dan ia amat berkait rapat dengan konteks kuasa dan jarak sosial.

แบบฝึกหัดหลังเรียน

1. Jelaskan jenis-jenis makna dalam ilmu semantik?

2. Huraikan jenis makna denotatif serta dengan contoh?

3. Huraikan jenis makna konotatif serta dengan contoh?

4. Bagaimanakah makna penutur dan makna ujaran?

5. Kenapa kuasa dan jarak sosial berperanan dalam ilmu semantik?

Rujukan

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Locher, M. A. (2004). Power and Politeness in Action. Berlin: Mouton de Gruyter.

Thomas, J. (1995). Meaning in Interaction: an Introduction to Pragmatics. London-New York: Longman.

Sperber EF, Haas KZ, Romero MT, et al. Flurothyl status epilepticus in developing rats: behavioral, electrographic, histological and electrophysiological studies. Brain Res Dev Brain Res 1995; 116: 59-68.

Victoria Fromkin, Robert Rodman, Nina Hyams. 1983. An Introduction to Language. Represented in Canada by Nelson Education, Ltd

แผนบริหารการสอนประจำบทที่ 4 MAKNA PERKATAAN

แบบทดสอบก่อนเรียน

หัวข้อเนื้อหาประจำบท

1. Pengenalan
2. Medan Makna
3. Makna Kata
4. Makna Leksikon
5. Kajian Semantik Leksikal
6. Kesimpulan

LATIHAN

RUJUKAN

วัตถุประสงค์เชิงพฤติกรรม

1. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายเกี่ยวกับ Medan Makna ได้
2. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายและวิเคราะห์ความหมายของคำได้
3. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายและวิเคราะห์ความหมาย Makna Leksikon ได้
4. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถเข้าใจและยกตัวอย่าง Kajian Semantik Leksikal ได้

กิจกรรมการเรียนรู้ประจำบท

1. การบรรยายประกอบ Power Point
2. การศึกษาเอกสารประกอบการสอน
3. การอภิปรายกลุ่ม
4. การนำเสนอกลุ่มและแลกเปลี่ยนความรู้
5. ทำกิจกรรม/แบบทดสอบหลังเรียน
6. การศึกษาค้นคว้าด้วยตนเอง

สื่อการเรียนการสอน

1. Power point
2. โปรแกรม Google meet
3. เอกสารประกอบการสอน
4. กิจกรรมในห้องเรียน
5. ใบงาน
6. Google Classroom
7. YRU elearning
8. ตัวอย่างบทความวิจัยที่เกี่ยวข้องกับบรรดาศาสตร์ภาษามลายู

การวัดและประเมินผล

1. สัมผัสจากความสนใจ ความตั้งใจเรียน
2. การมีส่วนร่วมในการทำกิจกรรม
3. การให้ความร่วมมือจากการมอบหมายงาน
4. ตรวจสอบผลงานการทำแบบฝึกหัดท้ายบท การรายงาน และการศึกษาค้นคว้า

แบบทดสอบก่อนเรียน

1. Nyatakan maksud medan makna?

2. Bagaimana hakikat dari leksikon?

3. Apa saja satuan dari leksikon?

4. Apa saja ragam-ragam dari leksikon?

5. Jelaskan berbezaan antara makna leksikal dengan makna gramatikal?

BAB 4

MAKNA PERKATAAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menumpukan kepada beberapa aspek dalam ilmu semantik yang berkaitan dengan makna perkataan. Semantik merujuk kepada aspek makna bahasa. Untuk memahami makna dalam sesuatu bahasa, kita juga harus memahami makna kata terlebih dahulu dan morfem yang membentuknya. Kita harus mengetahui makna kata bergabung menjadi frasa dan ayat yang bermakna. Seterusnya, kita juga perlu menginterpretasikan makna ujaran yang berdasarkan konteks ayat yang diujarkan.

4.2 Medan Makna

Medan makna merujuk kepada kumpulan butir leksikal yang maknanya saling berhubung kait disebabkan kehadiran masing-masing dalam konteks yang serupa. Medan makna juga merujuk kepada erti yang didukung oleh kata atau kumpulan kata. Secara umumnya, medan makna dikaitkan dengan makna kunci atau kolokasi, iaitu keadaan dua kata atau lebih yang lazimnya dikaitkan antara satu sama lain. Sebagai contoh, kata 'buku' berkolokasi dengan tibal, nipis, perkataan, halaman, bibliografi, bab dan sebagainya.

Sesuatu kata atau morfem mempunyai medan makna tersendiri. Sebagai contoh, perhatikan medan makna bagi kata 'universiti' dalam Rajah 4.2. Kata 'universiti' itu merupakan makna inti. Makna inti ialah makna yang menjadi dasar bagi sesuatu perkataan. Kata-kata yang mengelilingi makna inti itu disebut sebagai makna sampingan. Makna sampingan boleh bertindak dengan bahagian makna perkataan yang lain. Dalam keadaan yang lain, kata 'perpustakaan' boleh menjadi makna inti dan mempunyai medan makna yang meliputi kata-kata buku, majalah, jurnal, tesis, kertas kerja, pustakawan, katalog dan sebagainya. Justeru, medan makna bagi kata 'universiti' sebagai makna inti meliputi juga kata tesis dan kertas kerja. Demikian juga medan makna bagi kata perpustakaan sebagai makna inti ini digambarkan seperti Rajah 4.2 berikut.

pensyarah	
kertas kerja	makmal
kuliah Universiti	tesis
dekan	perpustakaan hostel

RAJAH 4.2 Medan makna bagi kata 'universiti'

Hal ini menunjukkan bahawa kata-kata mempunyai medan makna masing-masing dan makna sampingan boleh beryindan dengan makna sampingan yang lain. Medan makna dapat digunakan bagi menjelaskan persempadaan makna bagi suatu kata atau ayat. Sempadan makna ialah satu keadaan yang dapat menghubungkan beberapa patah perkataan dalam kumpulan tersendiri untuk memberikan makna kepada perkataan yang dikehendaki. Setiap unit perkataan yang terkandung dalamnya tidak boleh dilihat secara terpisah bagi melahirkan makna kata yang dipilih

4.3 Makna Kata

Makna kata juga disebut sebagai makna leksikal manakala bidang kajian yang meneliti makna leksikal ini disebut semantik leksikal. Makna kata atau leksikal merupakan subbidang linguistik yang merujuk kepada kajian tentang apa yang ditunjukkan atau dimaksudkan oleh sesuatu perkataan dalam sesuatu bahasa. Secara umumnya, perkataan dapat digunakan untuk memberikan makna kepada sesuatu benda atau perkara yang terdapat dalam dunia ini. Kata juga dapat menggambarkan sesuatu konsep yang bergantung pada pemilihan kata dan semantik leksikal yang digunakan.

Dari segi linguistik, kata (perkataan) merupakan unit leksikal. Oleh itu, makna kata merujuk kepada makna bagi setiap unit kata atau leksikal tersebut. Makna kata yang merupakan sebahagian daripada linguistik ini boleh kita manfaatkan dengan sebaik-baiknya dalam kehidupan kita. Hal ini kerana kita sentiasa didedahkan dengan perkataan-perkataan baharu setiap hari. Pengetahuan tentang makna kata membolehkan kita memilih dan menggunakan kata-kata yang sesuai dan tepat dalam perbualan.

Apabila kita mempelajari bahasa ia melibatkan persetujuan kita terhadap makna kata dalam bahasa itu dan mempelajari bagaimana untuk menggabungkan unit yang bermakna itu ke dalam unit yang lebih besar yang juga boleh membawa makna. Dalam hal ini, kita tidak boleh sewenang-wenangnya mengubah makna perkataan itu mengikut kehendak kita kerana ia akan menyebabkan orang lain tidak dapat memahaminya dan komunikasi menjadi sukar.

Setiap penutur dalam sesuatu bahasa berkongsi kosa kata asas bagi bahasa tersebut, termasuklah bunyi dan makna morfem dan perkataan. Kita tidak boleh mengubah makna kata yang telah tersedia mengikut makna kita. Sunguhpun kita bebas untuk mentakrifkan makna setiap perkataan apabila kita menggunakannya dalam perbualan, tetapi ia akan mengambil masa yang lama bagi pendengar untuk memahaminya kerana maknanya sudah berbeza daripada makna yang lazim

Kamus mengandungi hampir kesemua perkataan atau kosa kata berserta maknanya bagi sesuatu bahasa. Perbendaharaan kata bagi sesuatu bahasa itu disebut leksikon (พจนานุกรม). Minda kita juga menjadi tempat menyimpan maklumat perkataan dan morfem yang dinamakan leksikon (พจนานุกรม) itu. Makna-makna perkataan yang terdapat dalam kamus disebut makna leksikal (ความหมายของคำศัพท์), iaitu makna perkataan itu sendiri tanpa melibatkan penggunaannya dalam ayat. Kamus menjadi pegangan dan rujukan penting bagi penutur bahasa tersebut. Sebagai individu, kita juga merupakan kamus bergerak kerana kita mengetahui berates-ratus makna bagi bahasa yang kita tuturkan. Pengetahuan kita tentang makna tersebut membolehkan kita menggunakan bahasa untuk menyatakan pendapat dan memahami ujaran yang kita dengar.

Makna perkataan merupakan sebahagian daripada pengetahuan linguistik dan juga sebahagian daripada tatabahasa. Fonem ialah bentuk linguistik yang membezakan makna, manakala morfem sama ada terikat atau bebas ialah bentuk linguistik terkecil yang bermakna. Kata ialah bentuk morfem bebas yang bermakna, iaitu setiap kata mempunyai makna masing-masing. Kata boleh mempunyai makna penuh atau makna leksikal, misalnya makna leksikal bagi 'selimut' ialah 'kain bagi menutup tubuh semasa tidur'. Makna dapat dilihat pada peringkat paling asas bermula daripada morfem, perkataan, frasa, klausa dan ayat.

Kata yang bukan leksikal dan morfem terikat pula mempunyai makna tatabahasa. Morfem terikat tidak boleh berdiri sendiri dan pada asasnya ia tidak membawa sebarang makna. Makna bagi morfem terikat misalnya morfem terikat 'ter-' membawa makna berdasarkan kata dasar yang mengikutinya, iaitu sama ada 'perbuatan tidak sengaja', 'darjah paling tinggi', 'daya atau keupayaan' dan 'perbuatan sedia ada'. Perhatikan pula morfem dalam ayat yang berikut:

- Sekumpulan mat rempit terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Pengetahuan kita tentang makna perkataan 'mat rempit' dalam contoh ayat tersebut memberitahu kita bahawa bukanlah haiwan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Jika perkataan tersebut ada dalam minda kita, kita akan tahu bahawa perkataan itu merujuk

kepada 'manusia' yang terdiri daripada 'anak muda' atau 'remaja'. Kemalangan itu juga melibatkan kenderaan 'motor yang ditunggang laju' untuk tujuan 'berlumba'. Sebagai maklumat yang kita tahu tentang 'mat rempit' itu merupakan unsur semantik bagi perkataan tersebut yang juga telah dipersetujui oleh penutur bahasa itu. Dengan kata lain, makna bagi semua kata nama, bersama bagi penutur-penutur Bahasa tersebut.

Unsur semantik yang sama boleh menjadi sebahagian makna bagi kata yang berbeza. Sebagai contoh, unsur semantik 'manusia' boleh meliputi makna yang berikut:

doktor juru bahasa setausaha
nenek abang duda
mak cik tuan adik
pemandu encik budak

Makna bagi dua perkataan yang terakhir itu terkandung unsur 'muda'. Oleh itu, unsur makna bagi perkataan 'adik' dan 'budak' ialah 'manusia' dan 'muda'. Hal ini menunjukkan makna sesuatu perkataan terkandung unsur yang lain juga. Demikian juga perkataan 'ayah' mempunyai unsur 'lelaki' dan 'dewasa', sama seperti perkataan 'abang' dan 'encik'. Walau bagaimanapun, perkataan 'ayah' juga mempunyai unsur 'bapa' (ketua keluarga), yang membezakannya daripada dua perkataan tadi.

4.4 Makna Leksikon

Leksikon ialah sekumpulan kosa kata bagi sesuatu bahasa, misalnya senaria perkataan umum yang terdapat dalam kamus dan senarai perkataan khusus yang terdapat dalam glosari. Leksikon juga sebagai komponen bahasa yang mengadungi segala maklumat yang berkait dengan perkataan, iaitu makna dan penggunaannya. Dalam bahasa biasa, leksikon disebut sebagai kosa kata, iaitu khazanah kata yang dimiliki oleh sesuatu bahasa atau pengguna sesuatu bahasa.

Menurut Kridalaksana (2008:142) leksikon dapat diartikan sebagai 1) komponen bahasa yang memuat semua informasi tentang makna dan pemakaian kata dalam bahasa; 2) kekayaan kata yang dimiliki seorang pembicara, penulis, atau suatu bahasa, kosa kata, perbendaharaan kata, dan daftar kata yang disusun seperti kamus, tetapi dengan penjelasan yang singkat dan praktis.

Bagi penutur sesuatu leksikon merupakan kosa kata mental yang terdapat dalam minda mereka. Ia diorganisasikan dengan baik bagi membolehkan penutur menggunakan kata

tertentu pada saat diperlukan. Organisasi kosa kata itu disusun mengikut prinsip tertentu, misalnya peraturan menghubungkan, imbuhan dengan kata dasar, penggunaan kata majmuk, kata bantu dan objek.

Dalam mempelajari leksikon secara lebih mendalam, kita akan mempelajari beberapa perkara seperti apakah kata, bagaimanakah kosa kata dalam bahasa itu distrukturkan, bagaimanakah manusia menyimpan dan menggunakan kata, bagaimanakah manusia mempelajari kata, sejarah dan evolusi kata, hubungan antara kata dan bagaimanakah kata dicipta.

4.5 Kajian Semantik Leksikal

Semantik leksikal merupakan kajian tentang bagaimana dan apa yang dilambangkan oleh kata-kata dalam sesuatu bahasa. Kata-kata mungkin digunakan bagi melambangkan sesuatu perkara dalam dunia ini atau konsep tertentu bergantung pada kaedah yang digunakan dalam semantik leksikal seperti yang telah dijelaskan sebelum ini kata merupakan unit leksikal, oleh itu semantik leksikal melibatkan makna bagi setiap kata tersebut. Semantik leksikal merupakan salah satu bidang linguistik yang bermanfaat kepada penutur bukan natif kerana mereka dapat mempelajari perkataan baharu dan maknanya dengan lebih mudah.

Verhaar (1978), memaparkan bahawa cabang linguistik yang meneliti makna leksikal disebut semantik leksikal. Dalam morfologi selalu terdapat proses pembentukan baik dengan menggunakan afiks, pengulangan maupun penggabungan. Proses pembentukan tersebut menghasilkan makna – makna yang disebut makna gramatikal. Dalam kajian semantik sendiri terdapat makna leksikal dan gramatikal, adapun yang dimaksud iaitu:

a) Makna Leksikal

Makna leksikal yang bersal dari kata leksikom. iaitu, makna yang bersifat tetap dan tidak terkiat dengan kata lainnya atau makna yang didasarkan pada kata yang sesungguhnya (berdiri sendiri). Makna leksikal ini dapat kita jumpai di kamus, karena sifatnya yang tetap dan asli tanpa adanya pemaknaan.

Contohnya:

Kerusi : memiliki arti sebagai tempat untuk duduk dan mempunyai empat kaki untuk tumpuan.

Misalnya : Arini duduk di atas kursi teras.

Rumah : memiliki arti bangunan untuk tempat tinggal.

Misalnya : Rumah Haidah berada di tengah desa.

b) Makna Gramatikal

Makna gramatikal iaitu, makna yang dapat berubah-ubah sesuai dengan konteks ayat yang disebabkan oleh aktiviti gramatikal berupa reduplikasi, modifikasi afiksasi atau transformasi dalam ayat.

Contohnya :

Lapangan : memiliki arti lebar atau luas. Jika diletakkan pada sebuah ayat akan memiliki arti yang berbeza.

Misalnya : Cika harus berlapang dada menghadapi masalah.

Dari huraian di atas, dapat disimpulkan bahwa perbezaan makna leksikal dan makna gramatikal, antara lain:

1. Makna leksikal merupakan makna asli, sedangkan makna gramatikal merupakan makna yang sesuai dengan konteks dalam ayat.
2. Makna leksikal bersifat tetap, sedangkan makna gramatikal boleh berubah sesuai proses gramatikal yang terjadi dari kata tersebut.
3. Makna leksikal berdiri sendiri, sedangkan makna gramatikal terikat dengan kata yang lain.

Dalam semantik leksikal diselidiki makna yang ada pada perbendaharaan kata dari bahasa tersebut. Oleh karena itu, makna yang ada pada perbendaharaan kata itu disebut makna leksikal. Perbendaharaan kata atau kata adalah istilah-istilah yang lazim digunakan untuk mempejalari ilmu semantik untuk menyebutkan satuan bahasa bermakna. Istilah kata yang lazim digunakan dalam studi morfologi dan sintaksis dan yang lazim didefinisikan sebagai satuan gramatikal bebas terkecil.

Dari penjabaran di atas sudah kita bahas mengenai makna leksikal dan makna gramatikal. Dapat disimpulkan bahwa makna leksikal adalah makna yang bersifat tetap dan tidak terikat. Sedangkan makna gramatikal adalah makna yang berubah-ubah sesuai dengan konteks dalam ayat. Demikian pengertian, persamaan, dan juga perbezaan dari makna leksikal dan makna gramatikal semoga bermanfaat bagi kita semua untuk mempelajari ilmu semantik dalam sesuatu bahasa.

4.6 Kesimpulan

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa leksikon adalah kekayaan kata yang dimiliki suatu bahasa, komponen bahasa yang memuat semua informasi tentang makna dan pemakaian kata dalam bahasa. Kita harus mempelajari bagaimanakah kosa kata dalam bahasa itu distrukturkan, bagaimanakah manusia menyimpan dan menggunakan kata. Sedangkan, kajian semantik leksikal pula makna yang bersifat tetap dan tidak terikat dengan kata lainnya atau makna yang didasarkan pada kata yang sesungguhnya (berdiri sendiri). Manakala makna gramatikal ialah makna yang dapat berubah-ubah sesuai dengan konteks ayat.

แบบทดสอบหลังเรียน

1. Nyatakan maksud medan makna?

2. Bagaimana hakikat dari leksikon?

3. Apa saja satuan dari leksikon?

4. Apa saja ragam-ragam dari leksikon?

5. Jelaskan berbezaan antara makna leksikal dengan makna gramatikal?

Rujukan

- Harimurti Kridalaksana.2008. Kamus Linguistik, PT. Gramedia Pustaka Umum, Jakax1a,
- Verhaar .1978. Pengantar linguistik jilid I . Yogyakarta : Gadjah Mada University Press,
- Gani, S. (2 0 1 9). Kajian teoritis struktur internal bahasa (fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantik). A Jamiy: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab , 7 (1), 1-20
- Chaer, A., & Muliastuti, L. (2014). Makna dan semantik. Semantik Bahasa Indonesia , 1-39.
- Rahmawati, N., & Nurhamidah, D. (2 0 1 8). Makna leksikal dan gramatikal pada judul berita surat kabar Pos Kota (Kajian Semantik). Jurnal Sasindo Unpam , 6 (1), 39-54.

แผนบริหารการสอนประจำบทที่ 5 HUBUNGAN KATA DENGAN MAKNA

แบบทดสอบก่อนเรียน

หัวข้อเนื้อหาประจำบท

1. Pengenalan
2. Hubungan Kata dengan Makna
 - 2.1 Makna Sinonim
 - 2.2 Makna Antonim
 - 2.3 Makna Homonim
 - 2.4 Makna Polisemi
 - 2.5 Makna Hiponim
3. Kesimpulan

LATIHAN

RUJUKAN

วัตถุประสงค์เชิงพฤติกรรม

1. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายเกี่ยวกับ Struktur Makna ได้
2. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายและวิเคราะห์ Hubungan kata dengan Makna ได้
3. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายและวิเคราะห์ชนิด Makna Sinonim, Antonim, Homonim, Polisemi dan Hiponim ได้
4. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถเข้าใจและยกตัวอย่างชนิดของความหมายได้

กิจกรรมการเรียนรู้ประจำบท

1. การบรรยายประกอบ Power Point
2. การศึกษาเอกสารประกอบการสอน
3. การอภิปรายกลุ่ม
4. การนำเสนอกลุ่มและแลกเปลี่ยนความรู้
5. ทำกิจกรรม/แบบทดสอบหลังเรียน
6. การศึกษาค้นคว้าด้วยตนเอง

สื่อการเรียนการสอน

1. Power point
2. โปรแกรม Google meet
3. เอกสารประกอบการสอน
4. กิจกรรมในห้องเรียน
5. ใบงาน
6. Google Classroom
7. YRU elearning
8. ตัวอย่างบทความวิจัยที่เกี่ยวข้องกับบรรณศาสตร์ภาษามลายู

การวัดและประเมินผล

1. สังเกตจากความสนใจ ความตั้งใจเรียน
2. การมีส่วนร่วมในการทำกิจกรรม
3. การให้ความร่วมมือจากการมอบหมายงาน
4. ตรวจสอบผลงานการทำแบบฝึกหัดท้ายบท การรายงาน และการศึกษาค้นคว้า

แบบทดสอบก่อนเรียน

1. Bagaimana cara menemukan makna pada sebuah kata?

2. Jelaskan maksud perkataan yang bersinonim?

3. Huraikan perbezaan antara jenis perkataan homonim dengan hiponim?

BAB 5

HUBUNGAN KATA DENGAN MAKNA

5.1 Pengenalan

Semua bahasa bergantung kepada makna dalam perkataan dan ayat, lazimnya dikaitkan sekurang-kurangnya dengan satu makna. Dalam semua bahasa, perkataan dapat disusun untuk membentuk ayat dan makna. Urutan perkataan dalam ayat kadang kala dapat mengubah makna dan kadang kala tidak, misalnya ayat “kucing mengejar anjing” dengan “anjing mengejar kucing” adalah berbeza makna, tetapi ayat “semalam dia pergi ke kedai” dengan “dia pergi ke kedai semalam” tidak berbeza makna. Hubungan antara tatabahasa dan makna sangat penting dalam penyusunan ayat – ayat dalam suatu bahasa kerana ayat yang benar itu terdiri dari ayat – ayat yang cukup syaratnya dari segi tatabahasa dan membawa makna lengkap.

5.2 Hubungan Kata dengan Makna

Kata-kata adalah berhubungan antara satu dengan yang lain melalui pelbagai cara. Terdapat istilah yang digunakan bagi menjelaskan hubungan tersebut yang diakhiri oleh morfem-nimi seperti sinonim, antonim, homonym, polisemi dan hiponim. Pada bagian berikut, mari kita perhatikan hubungan bentuk dan makna tersebut.

5.2.1 Makna Sinonim

□ Dalam kehidupan seharian kita biasa bersua dengan penggunaan sinonim di sekeliling kita. Sebagai contoh, di Kawasan zoo kita akan melihat papan tanda yang tertulis ‘Tolong jagan usik, kacau atau ganggu binatang-binatang di kawasan ini’.

□ Di perpustakaan pula, terdapat kata-kata yang berbunyi ‘Dilarang membuat bising, bercakap dan berbual-bual’. Perkataan-perkataan tersebut mempunyai makna yang hampir sama. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perkataan yang bersinonim atau mempunyai makna yang benar-benar sama secara tepat. Perhatikan pula contoh ayat yang berikut:

- Dia sedang menyiapkan kerjanya.
- Dia sedang menyiapkan tugasnya.

□ Pemilihan penggunaan perkataan yang bersinonim bergantung pada penutur itu sendiri. Merujuk kepada contoh ayat di atas, sesetengah individu lebih suka menggunakan perkataan 'kerja' daripada 'tugas'. Walau bagaimanapun, jika mereka tahu makna kedua-dua perkataan tersebut mereka akan faham bahawa kedua-dua ayat itu menjelaskan perkara yang sama. Hal ini bermakna persamaan semantik antara perkataan bergantung pada ciri semantik yang dikongsi bersama. Perkataan 'kerja' dan 'tugas' dalam ayat tersebut menerangkan benda yang sama dan berkongsi sebahagian besar ciri semantik.

□ Terdapat perkataan yang tidak bersinonim atau mempunyai makna yang hampir sama, tetapi berkongsi ciri semantik yang sama. Sebagai contoh, perkataan 'wanita' dan 'gadis' merujuk kepada manusia yang sama jantintanya, tetapi perkataan wanita mengandungi ciri semantik 'dewasa' manakala perkataan gadis mengandungi ciri semantik 'muda'. Contoh ini juga menjelaskan bahawa sukar untuk menemukan perkataan yang seratus peratus bersinonim.

□ Terdapat pula sebilangan perkataan mempunyai makna yang hampir sama dan kelihatan bersinonim, tetapi mempunyai nilai rasa yang berbeza. Sebagai contoh, perkataan 'hangat' dan 'panas' membawa makna yang sama jika merujuk kepada air. Penggunaan perkataan ini dalam ayat boleh bertukar ganti, misalnya 'Air itu hangat' membawa makna yang sama dengan 'Air itu panas'. Namun demikian, penggunaannya tidak boleh bertukar ganti dalam ayat 'Hari ini cuaca panas' dengan 'Hari ini cuaca hangat'. Hal ini menunjukkan bahawa sesetengah perkataan hanya memberikan makna yang sama dalam konteks tertentu sahaja.

5.2.2 Makna Antonim

□ Antonimi mempunyai maksud yang berlawanan daripada sinonimi, iaitu ia merujuk kepada hubungan antara antonim. Antonim ialah pertentangan makna perkataan atau kata-kata yang mempunyai makna yang tidak sama.

□ Secara umumnya, antonim disebut sebagai perkataan berlawan, misalnya sejuk lawannya panas, baik lawannya jahat, cantik lawannya hodoh, tinggi lawannya rendah, miskin lawannya kaya dan sebangainya.

□ Namun demikian, tidak semua perkataan mempunyai pertentangan makna satu lawan satu seperti contoh tersebut. Oleh itu, kata nafi 'tidak' kadangkala digunakan bagi

menunjukkan pertentakan makna tersebut, misalnya perkataan 'lena' lawannya 'tidak lena' ataupun 'mati' bermaksud 'tidak hidup'.

□ Terdapat beberapa jenis antonim, misalnya perkataan tidur-jaga, hidup-mati, duduk-bangun, tajam-tumpul, kembang-kuncup, sihat-sakit, gembira-sedih dan sebagainya dinamakan sebagai pasangan komplemen, iaitu pasangam perkataan berlawanan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Termasuk dalam jenis ini ialah kata-kata seperti tidak hidup-mati dan tidak mati-hidup, tidak tidur-jaga dan tidak jaga-tidur dan sebagainya.

□ Jenis kedua ialah pasangan kata antonim yang menunjukkan hubungan darjah seperti perkataan besar-kecil, tebal-nipis, tinggi-rendah, panjang-pendek, kurus-gemuk dan sebagainya. Makna kata adjektif yang menunjukkan pasangan darjah ini mempunyai hubungan rujukan dengan benda yang dimaksudkan.

□ Sebagai contoh, sebatang kayu itu dikatakan bersaiz panjang dengan merujuk kepada kayu itu secara spesifik berbanding dengan kayu lain yang sama jenis. Selain itu, perkataan itu sendiri tidaklah menggambarkan darjah secara mutlak. Sebagai contoh, perkataan 'kecil' pada 'kerbau kecil' sebenarnya menunjukkan darjah dan makna yang tidak sama pada perkataan 'tikus kecil'. Demikian juga perkataan 'laju' bagi merujuk kereta lumba tentulah tidak sama darjahnya jika merujuk kepada kereta biasa.

□ Jenis pasangan kata antonim yang ketiga dinamakan hubungan bertentangan. Dalam hal ini kedua-dua pasangan kata itu dari segi semantik membawa makna yang setara, misalnya beri-terima, jual-beli, murid-guru, majikan-pekerja dan sebagainya. Sebagai contoh yang lain, jika X ialah 'guru', jadi Y ialah 'murid'. Dalam Bahasa inggeris, terdapat beberapa pasangan seperti ini, misalnya trainer-trainee, mentor-mentee, employer-employee, interviewer-interviewee dan sebagainya.

Majikan= orang yang mengambil satu atau lebih pekerja

□ Kita dapat memahami pertentangan makna perkataan antonim adalah kerana kita mempunyai pengetahuan tentang perkataan tersebut, misalnya perkataan 'cantik' dan 'biru' bukanlah perkataan berlawanan walaupun kedua-duanya kata adjektif. Dari segi semantik, perkataan itu dikatatakan bukan antonim kerana masing-masing mempunyai ciri semantik yang tersendiri. Perkataan 'cantik' mempunyai ciri semantik yang berhubung dengan 'rupa', manakala perkataan 'biru' mempunyai ciri semantik yang berhubung dengan 'warna'. Hal ini berbeza bagi perkataan 'beri' dan 'terima' yang dikatakan sebagai antonim kerana kedua-duanya berkongsi elemen semantik yang berhubung dengan 'pemindahan barang atau perkhidmatan'.

5.2.3 Makna Homonim (makna beza / bentuk sama)

□ Mengetahui sesuatu perkataan bermakna kita perlu mengetahui cara menyebut dan maknanya sekali. Hal ini merupakan perkataan penting untuk membolehkan kita mengenal pasti, sama ada sesuatu perkataan itu sama atau berbeza. Jika sesuatu perkataan itu berbeza dari segi sebutan, tetapi mempunyai makna yang sama seperti haus dan dahaga, jemu dan bosan, kejam dan zalim, hadir dan datang dan sebagainya bermakna ia merupakan perkataan yang tidak sama. Demikian juga sesuatu perkataan itu mempunyai sebutan yang sama, tetapi berbeza dari segi makna juga menunjukkan bahawa ia merupakan perkataan yang tidak sama.

□ Dalam kajian semantik, makna lebih dipentingkan. Sebutan dan ejaan juga diambil kira bagi melihat perbezaan makna sesuatu kata. Homonimi merujuk kepada hubungan antara homonim.

□ Homonim ialah dua kata atau lebih yang mempunyai, sama ada bunyi atau ejaan yang sama, tetapi berlainan makna. Perkataan yang mempunyai sebutan yang sama, tetapi berbeza makna seperti yang disebutkan tadi dikatakan mempunyai hubungan homonimi.

□ Sebagai contoh, perkataan 'kepala' yang membawa maksud 'ketua' tidak sama maknanya dengan 'kepala' kereta api, 'kepala manusia' dan 'kepala surat'. 'Kepala kereta api' merujuk kepada sesuatu yang letaknya di bahagian hadapan, manakala 'kepala manusia' dan 'kepala surat' merujuk kepada sesuatu yang letaknya di bahagian atas.

□ Penggunaan homonim dalam pertuturan atau ayat boleh menimbulkan kekeliruan jika tidak berlatar belakangkan konteks tertentu. Hal ini kerana homonim mempunyai sebutan dan bentuk ejaan yang sama, tetapi berbeza dari segi makna. Jika sesuatu ayat atau perkataan itu mempunyai lebih daripada satu interpretasi ia boleh menimbulkan keaburan kepada pendengar atau pembaca. Perhatikan ayat-ayat yang berikut:

1. Dia masuk ke bilik lalu menutup pintu. (Lepas itu)
2. Setiap petang dia lalu di hadapan rumah saya. (lalu lintas) ผ่าน
3. Dia tidak lalu makan kerana demam. (Makan tak lalu/serela)
4. Dia mendapat keputusan cemerlang tahun lalu. (tahun lepas)
5. Setelah berehat seketika mereka lalu meneruskan perjalanan ke kampung. (lepas itu)

Penggunaan perkataan 'lalu' dalam ayat-ayat di atas kesemuanya membawa makna yang berbeza.

- Dalam ayat (1), 'lalu' merupakan kata hubung yang menyambungkan dua klausa yang setara menjadi satu.
 - Dalam ayat (2), 'lalu' membawa maksud 'melintas' atau 'menempuhi'.
 - Dalam ayat (3), 'lalu' membawa maksud 'berdaya' atau 'sangkut'.
 - Dalam ayat (4), 'lalu' membawa maksud 'lepas' atau 'lampu'.
 - Dalam ayat (5), 'lalu' membawa maksud 'sesubah itu' atau 'kemudian daripada itu'.
- Demikian juga perkataan 'kuda' yang mempunyai pelbagai makna, iaitu sejenis binatang yang berkaki empat, ukuran kekuatan enjing atau motor dan nama buah catur. ตั๋วหมากรูก

Sebagai contoh, perkataan 'anak' merupakan homonim kerana ia mempunyai makna yang berbeza-beza apabila digunakan dalam ayat. Dalam kamus, homonim ditunjukkan dengan menggunakan nombor seperti berikut:

1. manusia atau binatang yang masih dalam kandungan atau baru lahir,
2. kanak-kanak atau budak,
3. pokok kecil yang baru tumbuh dan sebagainya seperti tercatat dalam kamus.

Salah satu ciri homonim ialah homonim bersifat homograf, iaitu perkataan tersebut mempunyai kesamaan bentuk ejaan, tetapi tidak sama dari segi sebutan dan makna. sebagai contoh, perkataan 'perang' dan 'semak' yang berikut mempunyai sebutan dan makna yang berbeza:

- Perang [.....] -- perkelahin atau pertempuran
- Perang [peran] -- warna merah yang kekuning-kuningan สีน้ำตาล
- Semak [sema?] -- meneliti atau mengkaji
- Semak [.....] -- tumbuhan kecil-kecil dan rendah, belukar kecil dan rendah

5.2.4 Makna Polisemi

Jika terdapat perkataan yang mempunyai beberapa makna yang berkaitan, sama ada secara konseptual atau sejarah, ia disebut sebagai polisemi. Dengan kata lain, polisemi ialah hubungan kata atau frasa yang mempunyai dua makna atau lebih dan mempunyai etimologi yang sama. Dalam kamus, tersenarai banyak perkataan yang mempunyai lebih daripada satu definisi, misalnya perkataan 'anak', 'lenguh' dan 'rawa'. Perkataan ini disebut polisemi kerana merupakan bentuk kata yang mempunyai lebih daripada satu makna yang berkait rapat antara satu sama lain.

'lenguh' = bunyi lembu, lemah anggota

rawa = kain, sj. kain pelangi (kain yg. macam-macam warnanya)

burung, sj. burung,
sj. tumbuhan, dan sebagai

Perkataan ini juga merupakan polisemi kerana ia mempunyai makna yang lain, iaitu 'sejenis tumbuhan atau pokok memanjat (*Ventilago oblongifolia*)'. Ia juga mempunyai satu lagi makna yang merujuk kepada 'sejenis ikan laut (*Epinephelus amdycephalus*)'. Dalam kamus polisemi ditunjukkan sebagai entri yang berbeza menggunakan mombur 'I', 'II', 'IV' dan sebagainya.

5.2.5 Makna Hiponim

Hiponimi merujuk kepada hubungan antara hiponim. Hiponim ialah kata yang maknanya terangkum dalam makna kata yang lain. Sebagai contoh, melur, mawar, melati, kemboja dan campaka ialah hiponim kepada bunga.

Buahan = duarian rambutan

Universiti = Psu, YRU, MFN Sekolah = tadika,

□ Secara umumnya, hiponim merupakan kata umum yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kata-kata yang lebih khusus atau dalam arti kata lain ialah kata umum yang mempunyai langkungan atau anggotanya terdiri daripada kata yang khusus. Sebagai contoh, kita tahu bahawa hijau, kuning, merah, biru dan kelabu ialah perkataan yang merujuk kepada 'warna'.

□ Dari segi gambaran leksikal, kata-kata tersebut merupakan kelas kata yang mempunyai ciri yang serupa. Contoh yang lain seperti perkataan kenari, bayam, tempua, kakak tua, merpati dan belatuk yang menggambarkan kelas kata bagi 'burung' atau mempunyai ciri [+binatang]. Set perkataan seperti ini dinamakan hiponim, manakala hubungan hiponimi adalah antara kata umum seperti 'warna' dengan kata yang lebih spesifik seperti hijau, kuning dan sebagainya. Dengan kata lain, hijau ialah hiponim bagi 'warna' dan zirapah ialah hiponim bagi 'binatang'.

□ Kadangkala tidak terdapat satu kata umum yang dapat menggambarkan satu set hiponim. Sebagai contoh rambutan, durian, langsung, cempedak, Nangka, duku dan manggis ialah hiponim kerana kesemuanya merujuk kepada 'buah-buahan tempatan', tetapi tidak ada satu perkataan yang dapat digunakan bagi menunjukkan hiponim bagi set kata tersebut.

5.3 Kesimpulan

Dalam menguraikan konsep makna untuk menuju ke arah penekanannya hubungan antara aspek makna, pengetahuan, dan tatabahasa. Hubungan makna dan tatabahasa berdasarkan tuturan yang dibentuk berdasarkan hukum mengikut tatabahasa yang benar dan logika bahasa itu. Jika susunan tidak berdasarkan hukum yang benar maka kebenaran ayat menjadi salah, dan ayat yang dianggap benar berdasarkan ciri-cirinya dan fakta di dunia.

Setiap perkataan dikatakan mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain. Kata – kata dalam bahasa Melayu yang mempunyai pelbagai jenis makna dapat dikategorikan kepada beberapa golongan seperti sinonim iaitu perkataan yang mempunyai makna yang sama dari segi makna namun tetapi berbeza daripada segi makna leksikal, antonim iaitu perkataan yang mempunyai makna yang berlawanan, hiponim iaitu perkataan yang maknanya sebahagian daripada makna perkataan lain, homonym iaitu perkataan yang mempunyai bentuk dan bunyi yang sama tetapi maknanya berbeza, polisemi iaitu perkataan yang mempunyai makna yang banyak dan peribahasa (beberapa perkataan yang mempunyai satu makna)

แบบทดสอบหลังเรียน

1. Bagaimana cara menemukan makna pada sebuah kata?

2. Jelaskan maksud perkataan yang bersinonim?

3. Huraikan perbezaan antara jenis perkataan homonim dengan hiponim?

Rujukan

Abas, Lutfi. 1985. Falsafah Bahasa. Brunei, Darul salam : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kempson, R.M. 1991. Teori Semantik. Kuala Lumpur : DBP (Terjemahan Zaitoon Abd. Rahman).

Chaer, Abdul. 2007. Linguistik Umum. Jakarta: Rineka Cipta.

Kushartanti, dkk. (ed). 2005. Pesona Bahasa: Langkah Awal Memahami Linguistik. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

Musanif. 2001. Analisis Makna dan Kebenaran. Kuala Lumpur : Monograf : Universitas Putra Malaysia.

Palmer, F.R. 1989. Semantik. Kuala Lumpur : DBP (Terjemahan Abdullah Hasan).

แผนบริหารการสอนประจำบทที่ 6 MAKNA AYAT

แบบทดสอบก่อนเรียน

หัวข้อเนื้อหาประจำบท

1. Pengenalan
2. Prafrasa
3. Syarat Benar
4. Rangkuman
5. Percanggahan
6. Interpretasi Makna Ujaran Penutur
7. Kesimpulan

LATIHAN

RUJUKAN

วัตถุประสงค์เชิงพฤติกรรม

1. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายเกี่ยวกับ Prafrasa dalam ayat ได้
2. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายและวิเคราะห์ Syarat benar dalam ayat ได้
3. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบาย Rangkuman dan Percanggahan dalam ayat ได้
4. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถเข้าใจและยกตัวอย่าง Interpretasi Makna Ujaran Penutur ได้

กิจกรรมการเรียนรู้ประจำบท

1. การบรรยายประกอบ Power Point
2. การศึกษาเอกสารประกอบการสอน
3. การอภิปรายกลุ่ม
4. การนำเสนอกลุ่มและแลกเปลี่ยนความรู้
5. ทำกิจกรรม/แบบทดสอบหลังเรียน
6. การศึกษาค้นคว้าด้วยตนเอง

สื่อการเรียนการสอน

1. Power point
2. โปรแกรม Google meet
3. เอกสารประกอบการสอน
4. กิจกรรมในห้องเรียน
5. ใบงาน
6. Google Classroom
7. YRU elearning
8. ตัวอย่างบทความวิจัยที่เกี่ยวข้องกับบรรณศาสตร์ภาษามลายู

การวัดและประเมินผล

1. สืบเนื่องจากความสนใจ ความตั้งใจเรียน
2. การมีส่วนร่วมในการทำกิจกรรม
3. การให้ความร่วมมือจากการมอบหมายงาน
4. ตรวจสอบผลงานการทำแบบฝึกหัดท้ายบท การรายงาน และการศึกษาค้นคว้า

แบบทดสอบก่อนเรียน

1. Jelaskan maksud makna prafraza dalam ayat?

2. Bagaimanakah makna syarat benar dalam ayat mengikut kefahaman anda?

3. Apakah pengertian rangkuman dan percanggahan makna dalam ayat?

4. Huraikan apa itu Interpretasi Makna Ujaran Penutur?

BAB 6

MAKNA AYAT

6.1 Pengenalan

Seperti yang telah dijelaskan perkataan dan morfem merupakan unit terkecil bahasa yang mempunyai makna. Kita telah pun mempelajari hubungan makna perkataan dan unsur semantik sebagai semantik leksikal sebelum ini. Walau bagaimanapun, dalam banyak perkataan kita berkomunikasi menggunakan frasa dan ayat. Makna frasa dan ayat bergantung kepada makna perkataan yang terkandung dalamnya dan bagaimana perkataan itu distruktur dan digadungkan.

Terdapat hubungan semantik antara kata yang telah di jelaskan sebelum ini juga ditemui antara ayat. Sebagai contoh, dua patah perkataan yang sama makna dikatakan mempunyai hubungan sinonim, manakala dua ayat dikatakan hubungan secara parafrasa. Ayat tersebut mungkin berhubungan secara parafrasa kerana mengandungi perkataan sinonim dan juga parafrasa disebabkan perbezaan struktur yang tidak melibatkan perbezaan makna seperti contoh makna yang berikut:

- Kakak belajar di Universiti Islam Antarabangsa.
- Tempat kakak belajar Universiti Islam Antarabangsa.

Selain itu, perkataan mempunyai hubungan homonim yang boleh menimbulkan keaburan makna apabila diujarkan, manakala ayat bersifat kabur dan mengelirukan mungkin kerana mengandungi perkataan homonim. Perkataan mempunyai hubungan antonim, manakala ayat mempunyai bentuk penafian, misalnya pertentangan makna atau antonim bagi frasa 'kucingnya hidup' ialah 'kucingnya mati' atau dalam bentuk penafian ialah 'kucingnya tidak hidup'.

Perkataan digunakan untuk menamakan sesuatu. Ayat juga boleh digunakan untuk tujuan yang sama. Justeru, perkataan dan ayat boleh digunakan untuk merujuk kepada sesuatu atau menjelaskan benda atau perkara. Kajiyan bagi menjelaskan bagaimana makna perkataan bergabung kedalam makna frasa dan ayat dan hubungan makna antara unit yang lebih besar ini dinamakan makna frasa atau semantik ayat dan ia berbeza daripada semantik leksikal.

Mempelajari sesuatu bahasa bermakna kita mempelajari perkataan dalam bahasa itu dan maknanya sekali. Sebelum kita melanjutkan perbincangan kepada makna ayat mari kita

lihat sepintas lalu makna frasa. Hal ini kerana ayat terbentuk daripada kata dan frasa, justeru perlulah dilihat kaitan semantik bagi kata dan frasa yang membentuk sesuatu ayat itu. Kita dapat membezakan frasa dan ayat kerana kita tahu makna setiap perkataan dan kita mengetahui peraturan bagi menghasilkan frasa atau ayat yang bermakna. Sebagai contoh, kita tahu makna perkataan 'kereta' dan 'lumba'. Peraturan semantik bagi menginterpretasikan frasa 'kereta lumba' adalah dengan menggabungkan unsur 'kereta' kepada unsur 'lumba'.

Sebaliknya, frasa ama 'kereta laju' pula perlu diinterpretasikan dengan menggunakan peraturan semantik yang berbeza kerana bahagian makna yang terdiri daripada perkataan 'laju' bermaksud 'kereta yang mempunyai daya pecutan yang tinggi'. Perkataan 'laju' bagi kereta tersebut mungkin perlahan bagi basikal, beca atau motor.

Sama seperti frasa nama, ayat juga mempunyai makna bagi membolehkan kita menyatakan sesuatu. Makna bagi ayat dibina dalam bentuk bahagian - bahagian, iaitu yang terdiri daripada makna frasa nama dan makna frasa kerja. Ada ahli linguistik yang berpendapat bahawa sesetengah ayat mempunyai rujukan sama seperti perkataan. Rujukan bagi ayat adalah dengan melihat benar atau palsu, misalnya ia benar jika ayat itu benar dan ia palsu jika ayat itu palsu. Terdapat aspek yang dapat menggambarkan hubungan makna ayat atau semantik ayat seperti yang berikut:

6.2 Prafrasa

Parafrasa bermaksud dua ayat yang mempunyai makna yang sama walaupun terdapat perubahan pada struktur ayat tersebut. Dengan kata lain, sesuatu ayat itu dikatakan parafrasa jika memenuhi syarat dari segi makna yang sama. Ayat-ayat yang berikut merupakan parafrasa, walaupun berbeza dari segi penekanan, tetapi masih sama maknanya:

- Kapal itu berlabuh di pelabuhan klan.
- Tempat kapal itu berlabuh ialah di Pelabuhan klang.
- Rita berkerja sebagai setiausaha.
- Pekerjaan ruta ialah setiausaha.

6.3 Syarat benar

Sesuatu ayat itu dikatakan benar apabila ia memenuhi syarat benar, iaitu jika ayat pertama itu benar bermakna ayat kedua juga hendaklah benar. Dengan kata lain, pernyataan atau ayat itu membawa makna jika kita mengetahui dalam keadaan yang bagaimanakah ia benar. Sebagai contoh, kita mengatakan ayat 'Ulang tahun kemerdekaan Malaysia disambut pada 31 Ogos' adalah benar, namakala ayat 'Ulang tahun kemerdekaan Malaysia pada 31 Oktober' adalah

palsu. Kita mengatakan demikian kerana kita mengetahui makna kedua-dua ayat itu dengan baik. Mengetahui makna kedua-dua ayat itu bermakna kita mengetahui syarat benar ayat tersebut. Kita melihat syarat benar ayat itu dengan membandingkannya dengan 'dunia sebenar', iaitu faktor sejarah. Dengan melihat faktor sejarah itu membolehkan kita mengatakan ayat pertama benar dan ayat kedua palsu. Justeru, untuk menuntukan benar atau palsu pernyataan ini adalah dengan melihat rujukannya.

Perhatikan pula contoh ayat yang berikut:

- Fairuz percaya ulang tahun kemerdekaan Malaysia disambut pada 30 Ogos.

Ayat di atas dikatakan benar jika individu sebenarnya yang bernama Fairuz itu sendiri mempercayai pernyataan tersebut, sebaliknya ia dikatakan palsu jika tidak mempercayainya. Justeru, ia menjadi syarat benar bagi pernyataan tersebut. Dalam hal ini, ia tidak mengambil ayat ditentukan oleh peraturan semantik yang membolehkan kita menghubungkan Bahagia-bahagia ayat dan menentukan sama ada ia benar atau palsu.

6.4 Rangkuman

Rangkuman merujuk kepada hubungan tentang sesuatu preposisi atau ayat. Sebagai contoh, ayat 'Buku itu berwarna hijau' merangkumi ayat 'Buku itu bukan biru atau merah' dan ayat 'Murid itu berjalah kaki ke sekolah' merangkumi ayat 'Murid itu tidak menaiki kenderaan'. Kadangkala untuk mengetahui syarat benar sesuatu ayat mengindikasikan kita mengandaikan kebenaran ayat yang satu lagi. Sebagai contoh, perhatikan ayat-ayat yang berikut:

1. (a) Ramlah tahu segala-gaiannya tentang Norihan
(b) Ramlah tahu Norihan sudah berkahwin
2. (a) Mariam menyukai kesemua jenis buah-buahan tempatan.
(b) Mariam menyukai buah langsung, duku dan rambutan.

Berdasarkan contoh ayat tersebut, kita mempercayai ayat 1 (a) dan 2 (a) benar dengan mengandaikan bahawa ayat 1 (b) dan 2 (b) juga adalah benar. Hal ini kerana ayat kedua telah terangkum dalam makna ayat yang pertama.

6.5 Percanggahan

Percanggahan merujuk kepada dua ayat yang bercanggah dari segi syarat benar, iaitu jika satu ayat itu benar, ayat yang satu lagi itu adalah palsu. Dengan kata lain, kebenaran bagi satu ayat mengandaikan kepalsuan bagi yang satu lagi. Sebagai contoh, perhatikan ayat-ayat yang berikut:

- 1 (a) Bapanya ialah pengetua sekolah menengah.
(b) Bapanya tidak bekerja.
- 2 (a) Daud berumur lima tahun
(b) Daud pelajar tingkatan lima.

Berdasarkan contoh ayat tersebut, jika ayat 1 (a) dan 2 (a) adalah benar maka semestinya ayat 1 (b) dan 2 (b) adalah palsu. Hubungan yang sedemikian disebut percanggahan, iaitu kebenaran bagi satu ayat bercanggah dengan kebenaran ayat yang satu lagi.

6.6 Interpretasi Makna Ujaran Penutur

Mengetahui makna sebenar penutur atau makna ujaran merupakan masalah yang cuba diselisahkan oleh ilmu semantic pada aras yang lebih tinggi. Ia melibatkan prases penginterpretasian terhadap ujaran penutur, iaitu prosebut bagaimana pendengardapat memahami apa yang dikomunikasikan oleh penutur melalui ujarannya.

Tengasnya, interpretasi dilakukan bertujuan untuk mendapatkan makna penutur. Juteru, interpretasi ujaran merupakan atu proses yang menghenbaki pendengar membuat inferens dan menilaiapa yang ingin bisampaikan oleh penutur dan seterusnya memilih maksud yang bersesuaian dengan konteks ujaran tersebut. Interpretasi boleh membawa dua makksud, iaitu:

- 1 Maksud formal yang bermakna penentuar kandungan mengikut tarabahasa sesuatu Bahasa yang ada hubungannya dengan makna teks

- 2 satu proses psikolongikan yang menyebabkan penngar memahami ujaran yang diujarkan oleh penutur.

Thomas (1 9 9 5 :1 5 8) menambah interpretasi ujaran berfokus kepada proses mendapatkan makna penutur mengikut subut pandangan pendengar. Ia juga disebut sebagai implikatur yang merujuk kepada makna sebenar yang dimaksudkan oleh penutur, iaitu yang berbeza daripaba bentuk logik ujaran sebenar (Grundy, 1995: 15-6). Blakemore (1997: 11-4) mengatakan interpretasi ujaran berngantung pada keupayaan pendengar membekalkan

Tanggapan tertentu daripada mindanya. Hal ini termasuklah memori terhadap terhadap peristiwa atau individu tertentu, pengetahuan, tanggapan tentang budaya, kepercayaan keagamaan, peraturan dan emosi penutur. Sebagai contoh, ujaran

(1) Yang berikut diinterpretasikan oleh pendengar sebagai maksud (2) :

1. (A yang berada di Kuala Lumpur sedang berduel di telefon dengan seorang kawanya di Seremban)

“Keadaan di sini hujan lebat. Adakah kamu masih mahu datang juga?”

2. Dengan berdasarkan fakta dan suasana hujan di Kuala Lumpur, adakah A masih mahu datang ke Seremban seperti yang telah dirancang?

Contoh di atas menunjukkan bahawa bukan semua yang berkaitan dengan ujaran tergambar dalam teks. Perkara yang berkaitan dengan maklumat kontekstual, iaitu pernyataan dalam tanda kurungan tidak dilafazkan, malahan tidak perlu disebutkan oleh penutur. Hal tersebut dapat ditentukan dan dikenal pasti oleh pendengar, sama ada melalui pemerhatian secara terus atau membuat atau interpretasi dengan berdasarkan konteks ujaran itu dilafazkan.

Cumming (2005: 75) mengatakan proses untuk mendapatkan makna menghendaki pendengar yang terlibat dalam perbualan berkebolehan untuk mengenal pasti implikasi terhadap perkara diujarkan oleh penutur dengan berlandaskan kombinasi ciri konteks dan ia merupakan sesuatu yang penting dalam membuat interpretasi. Hanya pendengar yang mempunyai keupayaan untuk membuat interpretasi sahaja mampu untuk mengenal pasti makna seperti yang dimaksudnya oleh penutur. Justeru, bagi mengenal pasti makna penutur, kita perlu membuat inferens terhadap ujaran yang dilafazkannya.

Inferens ialah istilah yang lazim digunakan oleh ahli psikologi yang juga sinonim dengan taakulan atau membuat pertimbangan. Ia bermula dengan suatu andaian dan seterusnya melalui satu proses tertentu sebelum mencapai kesimpulan. Inferens merupakan aktiviti mental yang sukar dideskripsikan kerana ia boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa disedari, pantas dan tidak menyakitkan. Kita dapat menanggapi apa yang diujarkan oleh orang lain dengan cara kita merekamkan makna ujaran dalam minda terlebih dahulu dan kemudian kita membuat inferens untuk mendapatkan makna ujaran melalui konteks ujaran itu dilafazkan. Dengan cara inilah makna penutur dapat diinterpretasikan oleh pendengar.

Persoalan tentang bagaimana pendengar dapat mencapai tahap interpretasi yang tepat dan jelas adalah melalui bantuan maklumat konteks. Ia berpotensi untuk membantu pendengar mengelakkan kesamaran terhadap makna ujaran penutur. Secara umumnya,

pendengar akan menghadapi kesukaran untuk menginterpretasikan ujaran penutur jika dia tidak memberikan perhatian terhadap maklumat konteks. Memahami makna ujaran tidak memadai dengan hanya mengetahui maknanya secara eksplisit. Namun, tidak dinafikan bahawa interpretasi ujaran bermula pada aras tatabahasa. Sebagai contoh, terdapat ujaran yang kadangkala tidak gramatis, tetapi kita dapat membuat interpretasi yang wajar tanpa sebarang kesukaran. Ada juga ujaran yang gramatis, tetapi sukar diproses hingga menyebabkan kita membuat interpretasi yang salah. Malahan, terdapat ujaran yang tidak lengkap, tetapi kita masih boleh memahami dan membuat interpretasi.

Pada umumnya, penginterpretasian ujaran bagi memperoleh makna penutur bersifat universal kerana secara sebar atau tidak proses ini dilakukan oleh semua pendengar yang terlewat dalam sesuatu perbualan dan terdapat pula dalam semua aksi penggunaan Bahasa di dunia ini. Perbezaannya ialah dari segi operasi minda seseorang individu dengan individu lain yang melakukan tugas tersebut. Sebagai contoh, perhatikan perbualan penutur A dan B yang berikut:

A: Mari kita pergi menonton mala mini.

B: saya hendak ulang kaji untuk peperiksaan

Berdasarkan perbualan tersebut, terdapat persoalan bagaimana A hendak mengetahui bahawa ujaran B itu sebenarnya sebagai menolak pelawaannya. Sekali pandang, ujaran B seperti tidak ada hubungan dengan ujaran A kerana penafian atau penolakan ajakan tidak jelas dan tidak disebutkan dalam ujaran B. Justeru, perkataan sedemikian memerlukan penjelasan dan kajian tentang bagaimana pendengar dapat mengenal pasti dan membuat interpretasi bagi mendapatkan makna penutur daripada ujaran yang didengarnya. Searle (1975) telah menyorotkan contoh pemerolehan makna daripada ujaran eksplisit. Proses tersebut telah dibentuk semula daripada proses memahami makna pragmatik dengan berdasarkan konteks ujaran. Dengan mengambil contoh perbualan tersebut, berikut ini dikemukakan 10 langkah membuat inferens bagi menginterpretasikan makna pragmatik.

Langkah 1:

A menuturkan satu cadangan (pergi menonton teater);

B menuntukkan satu pernyataan (ulang kaji untuk peperiksaan).

Itulah fakta yang terdapat dalam perbualan tersebut.

Langkah 2:

A mengandaikan B memberikan Kerjasama dalam situasi perbualan, iaitu dengan mengambil jawapan B sebagai relevan.

Langkah 3:

Jawapan relevan yang hamper dengan situasi cadangan atau permintaan A antaranya ialah: menerima/ menolak/ cadangan balas (contoh: Apa kata kita pergi esok?) atau cadangan untuk dibincangkan selanjutnya.

Langkah 4:

Didapati tiada satu pun jaeapan relevan dalam Langkah 3 secocok dengan jawapan yang diberikan oleh B.

Langkah 5:

Oleh itu, kita mengandaikan bahawa B maksudkan lebih daripada itu atau sesuatu yang berbeza keseluruhannya dengan menuturkan ujarannya itu. Tegasnya, Hasrat primer berbeza dengan Hasrat sekunder.

Langkah 6:

Majoriti orang tahu bahawa orang memerlukan masa ulang kaji untuk peperiksaan dan keluar bersuka-suka seperti menonton teater boleh menjejaskan masa berharga untuk belajar. Hal ini berkaitan dengan perkongsian maklumat tertang dunia.

Langkah 7:

Justeru, B tidak mahu menggabungkan dua perkara dalam satu masa, iaitu menontor teater dan ulang kaji.

Langkah 8:

Teori perlakuan pertuturan menunjukkan bahawa syarat persediaan untuk sebarang perlakuan pertuturan yang dimulakan dengan cadangan ialah kemampuan dan kesediaan untuk melakukan perbuatan yang dicadangkan.

Langkah 9:

Oleh itu, A boleh membuat inferens bahawa ujaran B seluruhnya adalah untuk memberitahunya bahawa dia tidak boleh menerima cadangannya itu.

Langkah 10:

Kita boleh membuat kesimpulan bahawa Hasrat primer B dalam memberitahu persediannya untuk peperiksaan adalah sebagai menolak cadangan atau pelawaan A.

Daripada penjelasan tersebut menunjukkan bahawa sesuatu ujaran berkemungkinan mempunyai pelbagai interpretasi yang kabur dan menggelirukan. Namun demikian, pendengar dapat membuat interpretasi yang tepat dan jelas melalui bantuan pengetahuan ciri konteks ujaran itu dilafazkan.

6.7 Kesimpulan

Mimilih kata yang sesuai digunakan dalam perbualan bukanlah sesuatu yang mudah. Oleh itu. Pilihan kata atau diksi perlulah sesuai dengan konteks. Dalam hal ini ilmu semantik amat berguna bagi membantu penutur memilih kata dan ayat yang betul dalam perbualan. Kita kadang kala memilih untuk menggunakan komotasi dibandingkan dengan memilih denotasi. Namun demikian, jika kata itu mengandungi komotasi yang salah, ia boleh menyebabkan kesalah faham atau kesalah tanggapan pada pihak pendengar.

Ada kata yang dianggap sopan dan ada kata yang dianggap kasar, malah ada kata tertentu yang dianggap salah jika digunakan pada orang-orang tertentu. Kata ‘mengandung’, ‘hamil’ dan ‘bunting’ mempunyai nilai emotif dan digunakan pada orang yang tertentu. Demikian juga jika kita berkata “Diam! Jangan bising!” bermakna orang yang kita hadapi itu mempunyai status yang sama atau lebih rendah daripada kita. Sebaliknya, jika kita berkata “tuan-tuan dan puan-puan diminta bertenggang” bermakna orang yang kita hadapi itu dianggap sederajat tingkat sosialnya.

Bab ini telah menjelaskan makna dari sudut linguistic, iaitu makna kata, frasa dan ayat yang masing-masing mempunyai makna yang berbeza-beza. Suatu kata dengan sendirinya mempunyai makna seperti kata ‘teruna’ yang mempunyai ciri semantic tersendiri kerana ia merujuk kepada suatu konsep yang abstrak. Frasa ‘teruna tampan itu’ pula tentunya berbeza daripada makna kata ‘teruna’ secara individu kerana ia melibatkan hubungan antara kata yang disusun mengikut peraturan tertentu. Demikian pula ayat ‘Musa ialah teruna tampan itu’ mengandungi makna bagi seluruh ayat, di samping terangkum pernyataan, sama ada ayat itu benar atau palsu.

Seterusnya, dijelaskan bagaimana sesuatu kata, frasa dan ayat itu memperoleh makna kerana ilmu semantic mempunyai hubungan langsung dengan makna kata, frasa dan ayat. Justeru, diuraikan secara khusus hubungan makna dengan kata yang disebut sebagai sinonimi, antonimi, homonimi dan hiponimi. Seterusnya, hubungan makna ayat yang dinamakan parafrasa, syarat benar, rangkuman dan percanggahan. Penjelasan aspek semantic dalam bab ini dapat membantu penutur memilih kata, frasa atau ayat secara lebih spesifik dalam perbualan.

Satu aspek penting yang kurang dibincangkan oleh pengkaji Bahasa ialah hubungan semantic dengan makna penutur dan makna ujaran. Kajian sedemikian sebenarnya melampaui batas semantic formal yang hanya mengkaji makna pada aras kata dan ayat. Justeru, pada bahagian akhir bab ini dijelaskan perspektif semantic yang lebih tinggi daripada

kata dan ayat, yaitu yang melihat makna penutur atau makna ujaran. Makna ujaran penutur hanya dapat diketahui dengan bantuan konteks pertuturan itu diujarkan.

แบบทดสอบหลังเรียน

1. Jelaskan maksud makna prafrasa dalam ayat?

2. Bagaimanakah makna syarat benar dalam ayat mengikut kefahaman anda?

3. Apakah pengertian rangkuman dan percanggahan makna dalam ayat?

4. Huraikan apa itu Interpretasi Makna Ujaran Penutur?

Rujukan

Blakemore, M. & Snowden, R. 1997. The effect of contrast upon perceived ... an object moves (Gogel and McNulty 1983; Snowden 1997),

Cummings, T. G., & Worley, C. G. 2005. Organization Development and Change (8th ed.). Ohio: Thomson South-Western.

Peter Grundy, Peter Grundy. 2019. Doing Pragmatics. London.
<https://doi.org/10.4324/9780429300301>

John R.Searle. 1975. INDIRECT SPEECH ACTS*. University of California, Berkeley
https://doi.org/10.1163/9789004368811_004

แผนบริหารการสอนประจำบทที่ 7 KETEPATAN MAKNA

แบบทดสอบก่อนเรียน

หัวข้อเนื้อหาประจำบท

1. Pengenalan
2. Perluasan
3. Penyempitan
4. Perubahan makna
5. สาเหตุการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำตามแบบ อ็องตวน เมย์เยต์ (Antoine Meillet)
6. Kesimpulan (บทสรุป)

LATIHAN

RUJUKAN

วัตถุประสงค์เชิงพฤติกรรม

1. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายสาเหตุของการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำได้
2. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายและวิเคราะห์สาเหตุการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำตามแบบ อ็องตวน เมย์เยต์ (Antoine Meillet) ได้
3. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบายผลของการเปลี่ยนแปลงความหมาย

กิจกรรมการเรียนรู้ประจำบท

1. การบรรยายประกอบ Power Point
2. การศึกษาเอกสารประกอบการสอน
3. การอภิปรายกลุ่ม
4. การนำเสนอกลุ่มและแลกเปลี่ยนความรู้
5. ทำกิจกรรม/แบบทดสอบหลังเรียน
6. การศึกษาค้นคว้าด้วยตนเอง

สื่อการเรียนการสอน

1. Power point
2. โปรแกรม Google meet
3. เอกสารประกอบการสอน
4. กิจกรรมในห้องเรียน
5. ใบงาน
6. Google Classroom
7. YRU elearning
8. ตัวอย่างบทความวิจัยที่เกี่ยวข้องกับบรรณศาสตร์ภาษามลายู

การวัดและประเมินผล

1. สังเกตจากความสนใจ ความตั้งใจเรียน
2. การมีส่วนร่วมในการทำกิจกรรม
3. การให้ความร่วมมือจากการมอบหมายงาน
4. ตรวจสอบผลงานการทำแบบฝึกหัดท้ายบท การรายงาน และการศึกษาค้นคว้า

แบบทดสอบก่อนเรียน

1. จงอธิบายพร้อมยกตัวอย่างสาเหตุของการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำ?

2. จงอธิบายและวิเคราะห์สาเหตุการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำตามแบบ อ็องตวน เมย์เยต์ (Antoine Meillet)?

3. จงอธิบายและวิเคราะห์พร้อมยกตัวอย่างผลของการเปลี่ยนแปลงความหมาย (The Consequences of Semantic Chang)?

4. Apakah perubahan makna yang terdapat dalam ilmu makna?

5. Kenapakah terjadinya perubahan makna dalam kehidupan sehari hari?

BAB 7

KETEPATAN MAKNA

7.1 Pengenalan

Aspek ketepatan makna kata yang diserap berbanding makna asal dilihat melalui perluasan, penyempitan atau perubahan makna yang berlaku pada kata yang dikaji. Kajian semantik yang digunakan dalam analisis data adalah berdasarkan ilmu semantik yang dipelajari dalam bahasa Melayu. Semantik adalah suatu bidang yang mengkaji dan menganalisis makna kata dan ayat. Kata merupakan unit ujaran yang bebas dan mempunyai makna. Melalui kata manusia mengungkap fikiran, perasaan, pendapat, emosi, perlakuan dan keperibadian. Semakin banyak kata dikuasai oleh seseorang, semakin banyaklah idea yang mampu diungkapkannya baik yang tersirat mahupun yang tersurat.

7.2 Peluasan Makna

Peluasan makna adalah suatu proses perubahan makna kata dari yang lebih khusus ke yang lebih umum, atau dari yang lebih sempit ke yang lebih luas. Menurut Tarigan (2009:79), perluasan makna adalah satu proses perubahan makna kata dari makna yang lebih khusus kepada makna yang lebih umum atau dari makna yang lebih sempit kepada makna yang lebih luas. Perluasan makna juga dikenali sebagai generalisasi.

Selain itu, Chaer (2003) pula telah memberi maksud dengan penambahan atau perluasan makna adalah gejala yang terjadi pada sebuah kata yang pada mulanya hanya memiliki satu makna, tetapi kemudian kerana pelbagai faktor memiliki makna - makna lain. Contoh bentuk perluasan makna menurut Chaer adalah kata “saudara”, pada mulanya bermakna “seperut” atau “sekandung” kemudian berkembang maknanya menjadi “siapa sahaja yang sepertalian darah”, akibatnya anak kepada adik-beradik ibu atau bapa pun disebut saudara, dan lagi siapa pun yang mempunyai asal-usul yang sama juga disebut saudara. Bahkan kini siapa pun dapat disebut saudara, seperti saudara seagama dan saudara selslam.

Perluasan makna ini terbahagi kepada dua jenis berikut.

a) Pengitlakan makna.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pengitlakan ialah merumuskan hal secara umum atau menyeluruh. Pengitlakan makna berlaku apabila sesuatu kata meluas dari segi pemakaiannya. Misalnya perkataan “abang” dalam Kamus Dewan Online telah memberi makna 2 arti berkaitan dengan arti kata abang 1) Saudara lelaki yang lebih tua dan 2) Memberi makna panggilan kepada suami dan juga kepada saudara sepupu lelaki yang lebih tua. Kata “abang” tersebut telah diperluaskan lagi maknanya. Hal ini menunjukkan kata “abang” telah mengalami pengitlakan makna. Kata “abang” juga digunakan untuk kiasan, gelaran atau darjat.

b) Pengenalan makna baharu melalui penghilangan makna.

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2012) telah memberi penjelasan tentang perluasan makna jenis ini, berlaku apabila sesuatu kata menerima makna baharu sedangkan sebelumnya tidak wujud dalam bahasa penerima. Sesuatu kata diberikan makna baharu yang bertentangan daripada makna asal. Walaupun sebenarnya makna yang baharu itu mempunyai kaitan dengan makna asal kata yang dipinjam tersebut. Misalnya kata “gapura” yang bermaksud pintu gerbang berbanding makna sebenarnya dalam bahasa Arab “ghafura” yang bermaksud Maha Pengampun. Asal-usul perubahan makna kata ini adalah kononya pada zaman Wali Songo di Jawa mempercayai bahawa sesiapa yang melepasi satu gerbang untuk ke Masjid Demak, dengan sendirinya mendapat pengampunan semua dosanya atas agama yang telah dianutinya sebelum itu.

7.3 Penyempitan Makna

Penyempitan makna adalah gejala yang terjadi pada sebuah kata yang pada mulanya memiliki makna yang cukup luas, kemudian berubah menjadi terbatas. Seperti kata ‘dai’ dalam bahasa Arab. Kata ini mempunyai makna yang banyak antaranya, orang yang menjemput, orang yang berdoa, orang yang menyebarkan dakwah dan berbagai-bagai lagi. Tetapi kata ini telah disempitkan maknanya dalam bahasa Melayu iaitu ‘pendakwah’ sahaja dan tiada makna lain. Keperluan penutur Melayu terhadap kata ini hanya yang membawa maksud pendakwah sahaja menyebabkan makna-makna lain tidak diterima apabila kata ini diserap dalam bahasa Melayu.

Penyempitan makna atau spesifikasi ini ialah sebuah proses penyempitan dari sebuah makna kata, yang awal mula mempunyai makna yang luas tetapi sudah berlaku juga menjadi bermakna khusus/sempit. Ada beberapa penyebab dari perubahan makna dalam penyempitan kata. Yang pertama adanya perkembangan IT, perbezaan bidang pemakaian, pertukaran tanggapan indra, perkembangan sosial budaya, adanya proses gramatikal, historis, linguistik, bersifat kebahasaan, adanya psikologi, dan sebagainya seperti contoh perubahan makna dalam proses penyempitan sebuah kata ialah:

1. Jurusan = Kata jurusan ini awal mulanya memiliki sebuah makna iaitu arah atau tujuan. Namun setelah dilakukan spesifikasi, kata jurusan ini berubah menjadi makna yang lebih sempit, iaitu dapat dikatakan sebagai pengkajian sebuah ilmu yang berada pada kampus/ perguruan tinggi. Pada masa sekarang ada juga yang menggunakan perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris iaitu pertakaan program.

2. Cikgu = Pada makna penyempitan kata “cikgu” istilah kata “cikgu” dapat digunakan untuk seorang yang dapat memberikan sebuah ilmu atau pengajar. Namun untuk sekarang ini sudah jarang digunakan kembali. Kata “cikgu” saat ini sudah mengalami penyempitan pada kata. Kata “cikgu” tersebut hanya digunakan untuk menyebut seorang yang mengajar di Taman didikan kanak – kanak atau Tadika di masyarakat Patani sahaja di tempat seperti sekolah sahaja. Sementara untuk pengajar yang mengajar pada tahap didikan tinggi yang formal, jarang disebut sebagai “cikgu”.

Dari penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa berjalan dengan sifat yang dimiliki masyarakat, bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi akan terus berkembang. Hal tersebut suatu bagian dari penyebab terjadinya suatu makna kata yang berubah, baik itu meluas atau menyempit.

7.4 Perubahan Makna

Menurut Chaer (2009), bentuk perubahan makna ada lima aspek seperti berikut.

a. Meluas (generalisasi) dan Menyempit (spesialisasi)

Perubahan makna meluas (generalisasi) iaitu kata memiliki banyak makna baharu selain makna denotatifnya disebabkan berbagai faktor. Misalnya kata “khatam” yang semula bermakna telah menyelesaikan membaca atau memahami kitab suci menjaditelah sangat memahami sifat seseorang. Berdasarkan contoh ayat “Saya sudah khatam dengan

sifatnya karena dia adalah teman saya sejak kecil”. Perubahan makna menyempit (spesialisasi) iaitu kata yang memiliki banyak makna menjadi terbatas pada sebuah makna saja. Misalnya “kitab” dulu bermakna buku, seiring dengan perkembangan zaman, “kitab” bermakna buku-buku yang berisi pedoman agama. Terlihat pada kalimat “Para santri terlihat semangat menghafalkan kitab kuning di balai pertemuan”.

b. Penghalusan (Eufimia) dan Pengasaran (Disfemia)

Penghalusan (eufimia) merupakan perubahan makna kata yang semula kasar/berkonotasi negatif menjadi lebih halus/berkonotasi positif. Perubahan makna eufimia juga disebut ameliorasi. Misalnya kata “babu” menjadi “pramuwisma”. Pengasaran (disfemia) merupakan perubahan makna kata yang sebenarnya halus/berkonotasi positif menjadi kasar/berkonotasi negatif. Perubahan ini sering disebut dengan peyorasi. Misalnya kata “anjing” yang bermakna denotatif binatang berkaki empat dan peliharaan menjadi bermakna kasar saat digunakan untuk mengumpat karena faktor psikologis. Contoh kata dalam bahasa Melayu di Patani seperti “buaya” yang bermakna denotatif sejenis binatang berkulit tebal berbadan panjang dan hidup di dalam air dan peliharaan menjadi bermakna kasar “buaya darat” iaitu bermakna lelaki yang suka menukar – nukar pasangan wanitanya.

c. Perubahan total

Perubahan total merupakan perubahan makna kata yang berbeza sama sekali dari makna sebelumnya. Misalnya kata “banteng” semula bermakna binatang menjadi bermakna manusia yang tangguh dan kuat. Terlihat pada ayat “Dia adalah banteng klub sepak bola terkenal itu”. Demikian juga dengan kata “ceramah” pada zaman dahulu diartikan sebagai cerewet. Namun, di masa sekarang ini ceramah biasa diartikan dengan ‘pidato’. Pidato sendiri dapat diartikan sebagai suatu hal yang disampaikan di depan banyak orang.

Sehubungan dengan itu, menurut Suwandi (2011) membahagikan factor penyebab perubahan makna iaitu 1) faktor linguistik, 2) faktor kesejarahan, 3) faktor sosial masyarakat, 4) faktor psikologis, 5) faktor kebutuhan kata baru, 6) faktor perkembangan iptek, 7) faktor perbedaan bidang pemakaian, 8) faktor pengaruh bahasa asing, 9) faktor asosiasi, 10) faktor pertukaran tanggapan indra, 11) faktor perbedaan tanggapan pemakai bahasa, dan 12) faktor penyingkatan.

7.5 สาเหตุการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำตามแบบ อ็องตวน เมย์เยต์ (Antoine Meillet) อ็องตวน เมย์เยต์ (Antoine Meillet) ได้อธิบายเพิ่มเติมถึงสาเหตุการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำดังต่อไปนี้

7.5.1 สาเหตุทางภาษา (Linguistic Causes)

สาเหตุทางภาษาที่สำคัญที่สุดที่ทำให้ความหมายของคำเปลี่ยนแปลงไปคือการที่คำหนึ่งมาเคียงกับคำใดคำหนึ่ง อยู่เสมอ คำจึงดูดซึมความหมายของคำข้างเคียงเข้าไว้โดยไม่มีผู้ใดตั้งใจให้เป็นเช่นนั้น เช่น หมาเห่า ผมหงอก หน้าแค้น ตกปลา rancid butter blond hair เป็นต้น จะเห็นได้ว่าคำที่ไปเคียงกันมักจะเป็นคำนามกับ คำกริยา หรือไม่ก็คำนามกับคำคุณศัพท์ การที่คำเหล่านั้นมีความหมายดังที่มันมีเพราะมันมากับคู่ของมัน เรา คงแยกความหมายของคำว่าเห่าออกจากอาการของหมาได้ยาก ถึงจะมีสัตว์อื่นเห่า เช่น งูเห่า แต่เวลาที่คนได้ ยินคำว่าเห่ามักจะไม่นึกถึงงูเห่า ส่วนใหญ่แล้วจะนึกถึงหมาทั้งนั้น คำว่าหงอกก็เช่นกัน มีหลายสิ่งสามารถ หงอก เช่น ขน หนวด แต่คนก็มักจะนึกถึงผมหงอกตลอดเวลา รอยแค้นก็เช่นกันมักจะเกิดที่หน้า เวลาได้ยิน คำว่าแค้นคนก็คิดถึงหน้าแค้นเสมอ

7.5.2 สาเหตุทางประวัติศาสตร์ (Historical Causes)

สุริยา (2019) มีความเห็นว่าภาษาเป็นยงคงทนกว่าอารยธรรม วัตถุสิ่งของต่างๆ สถาบันต่างๆ ความคิด ความเจริญทางวิทยาศาสตร์ เป็นต้น สิ่งต่างๆที่กล่าวมามีการเปลี่ยนแปลงไปกับเวลา แต่ชื่อสิ่งของเหล่านี้ ยังอยู่คงเดิม ดังนั้นชื่อคนเดิมจึงใช้เรียกของใหม่ ชื่อต่างๆสามารถแบ่งเป็นจำพวกดังต่อไปนี้

- วัตถุสิ่งของ

วัตถุสิ่งของที่ยังคงชื่อเดิม แต่เปลี่ยนความหมายของเตา เช่นคำว่า “เตา” คำนี้ใช้มานานตั้งแต่สมัยกรุง สุโขทัย ในช่วงนั้นจะใช้เตาทุเรียง เตาในสมัยโบราณใช้ก้อนหินสามก้อนทำเป็นหลักรสำหรับวางภาชนะ แล้ว จุดไฟใต้ภาชนะ ต่อมาเตาก็เปลี่ยนรูปแบบไปเป็นรูปเตาเชิงกรานใช้ฟืนเป็นเชื้อเพลิง ต่อมาก็เปลี่ยนเป็นเตา อั้งโล่ ปั้นด้วยดิน ยกไปไหนมาไหนก็ได้สะดวก ใช้ถ่านเป็นเชื้อเพลิง ต่อมาก็เปลี่ยนรูปเป็นเตาแก๊ส เตา ไฟฟ้า เตาอบ และล่าสุด เป็นไมโครเวฟ รูปแบบของเตาเปลี่ยนไปมาก ตั้งแต่มองเห็นเปลวไฟจนกระทั่ง มองไม่เห็นเปลวไฟมาจากไหน ตั้งแต่ตั้งสิ่งของบนไฟจนกระทั่งถึงเอาสิ่งของที่จะทำให้อุ่นนั้นเข้าไปในเตา แต่ คำเรียกก็ยังคงเดิม คือ “เตา”

- สถาบันทางสังคม

สถาบันทางสังคมเป็นสิ่งที่มองเห็นได้ชัดมากเมื่อมีการเปลี่ยนแปลงเกิดขึ้น เช่น คำว่า “กษัตริย์” เดิมต้อง เป็นผู้นำที่เป็นทั้งนักรบและผู้ป้องกันภัย แต่ต่อมาใช้เรียกแทนเป็น “พระมหากษัตริย์” มีความหมายว่า ผู้ ทรงมีพระราชภาระในทางรัฐศาสตร์มากกว่า ใช้พระแสงดาบ

- ความคิด

ความคิดแต่ละสมัยย่อมแตกต่างกัน บางครั้งความคิดนี้ก้าวหน้าในสมัยหนึ่ง แต่กลับล้าหน้าในอีกสมัยหนึ่ง กาลเวลาผ่านไปทำให้ความคิดต่างๆย่อมเปลี่ยนไปตามกาลเวลา ความคิดที่ล้าสมัยได้รวดเร็ว ได้แก่ความคิดทางการแพทย์ เพราะการทำวิจัยในทางการแพทย์ก้าวหน้าไปมาก ความก้าวหน้าทำให้ศัพท์เฉพาะทางการแพทย์มีการเปลี่ยนแปลง เช่น โรคกษัยกร่อน หรือ โรค กษัยเลือด หรือ โรคปอดม หรือ โรคเส้นปัสสาวัดวม แพทย์สมัยใหม่ต้องงงเมื่อมีคนไข้มาบอกว่าพวกเขาเป็นโรครดงกล่าว เพราะไม่ทราบเป็นโรคอะไร

- ความเจริญทางวิทยาศาสตร์

นอกจากความคิดทางการแพทย์แล้วความเจริญทางวิทยาศาสตร์ก็เป็นอีกหนึ่งสาเหตุที่ทำให้ความหมายเปลี่ยนไป โดยส่วนใหญ่แล้วคำในศาสตร์วิทยาศาสตร์ยังคงอยู่ แต่ความคิดเกี่ยวกับคำนั้นเปลี่ยนไป เช่น คำว่า “ไฟฟ้า” เดิมมีความหมายว่า ไฟที่ได้จากฟ้า ต่อมาเมื่อเวลาผ่านไป ความหมายก็เปลี่ยน โดยศึกษาจากภาษาอังกฤษ electricity ซึ่งเดิมมาจากภาษาละติน แปลว่า electrum ซึ่งมีความหมายว่า อำพัน

7.5 Kesimpulan (บทสรุป)

Penyempitan, perluasan atau penyimpangan makna biasa berlaku kepada kata yang dipinjam daripada bahasa asing. Kata yang dipinjam disesuaikan dengan keperluan, tempat, suasana serta budaya sesebuah masyarakat. Oleh sebab itu apa pun makna yang difahami terhadap kata serapan asing yang digunakan dalam masyarakat, itulah makna yang diperlukan.

การเปลี่ยนแปลงความหมายของคำสามารถสรุปได้ว่าเป็นปรากฏการณ์ที่เกิดขึ้นเป็นธรรมดาของทุกภาษาในโลกนี้ สาเหตุของการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำอาจมาจากรายละเอียดที่ได้อธิบายเบื้องต้น คือ เกิดจากการเรียนรู้ภาษาที่มีกระบวนการไม่สมบูรณ์ คำมีความหมายไม่ชัดเจน เปลี่ยนแปลงความหมายของคำเนื่องจากสิ่งที่เคยใช้คำนั้นเรียกเปลี่ยนไป หรือสูญหาย คำหลายความหมาย ในบริบทที่คำมีความหมายกำกวมหรือตามความคิดเห็นของผู้อ่าน เมย์เยต์ ที่เห็นว่าเกิดจากสาเหตุของภาษา สาเหตุทางประวัติศาสตร์ สาเหตุทางสังคม สาเหตุทางจิตวิทยา ธรรมชาติการเปลี่ยนแปลงความหมายในภาษา สาเหตุการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำส่งผลให้คำต่างมีการเปลี่ยนแปลงดังที่กล่าวมา คือทำให้ความหมายแย่ง ดิ้นขึ้น กว้างขึ้น หรือเลวลง การเปลี่ยนแปลงความหมายของคำเป็นเรื่องปกติ ที่ไม่ใช่เป็นเรื่องที่ดีหรือเลวลง สิ่งที่ควรระวังคือการไม่ควรใช้ภาษาโดยไม่พินิจ วิเคราะห์ หรือใช้ภาษาแบบแก้งจอนผิดธรรมชาติของการใช้ภาษา ซึ่งส่งผลให้การสื่อสารผิดความหมายไปและไม่ประสบความสำเร็จ

แบบทดสอบหลังเรียน

1. จงอธิบายพร้อมยกตัวอย่างสาเหตุของการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำ?

2. จงอธิบายและวิเคราะห์สาเหตุการเปลี่ยนแปลงความหมายของคำตามแบบ อ็องตวน เมย์เยต์ (Antoine Meillet)?

3. จงอธิบายและวิเคราะห์พร้อมยกตัวอย่างผลของการเปลี่ยนแปลงความหมาย (The Consequences of Semantic Chang)?

4. Apakah perubahan makna yang terdapat dalam ilmu makna?

5. Kenapakah terjadinya perubahan makna dalam kehidupan sehari hari?

Rujukan

Abdul Chaer. 2003. Linguistik Umum. Jakarta : Rineka Cipta.

Chaer, A. (2009). Pengantar Semantik: Bahasa Indonesia. Jakarta : Rineka Cipta.

Dewan bahasa dan Pustaka.Kamus Online <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=abang>

Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin, Zaharani Ahmad. 2012. Perluasan Makna Alim: Analisis Semantik Kognitif: GEMA Online Journal of Language Studies 457 Volume 12(2) diakses pada 10 April 2015 daripada [http://www.ukm.my/ppbl/Gema/GEMA%20vol%2012%20\(2\)%202012/pp%20457473.pdf](http://www.ukm.my/ppbl/Gema/GEMA%20vol%2012%20(2)%202012/pp%20457473.pdf)

Rineka Cipta.Ketriyawati, K. (2019). Analisis Bentuk dan Faktor Penyebab Perubahan Makna Peyorasi dan Ameliorasi dalam Berita Kriminal. Diksi, 27(2), 150–158. <https://doi.org/10.21831/diksi.v27i2.25317>

Suwandi, S.(2011).Semantik: Pengantar Kajian Makna. Yogyakarta : Media Perkasa.

Tarigan, Henry Guntur.2009.Pengajaran Semantik. Bandung:Angkasa

แผนบริหารการสอนประจำบทที่ 8
PERUBHAN MAKNA
การเปลี่ยนแปลงความหมาย

แบบทดสอบก่อนเรียน

หัวข้อเนื้อหาประจำบท

1. Pengenalan
2. Konsep Utama Teori Role and Reference Grammar (RRG)
 - 2.1 Representasi Sintaksis
 - 2.2 Representasi Semantik
 - Kelas Kata Kerja
 - Struktur logik dalam Representasi leksikal
 - Perkaitan Semantik Bagi Predikat Argumen
 - Struktur Logik Operator
 - Peranan semantik Makro
3. Kesimpulan

LATIHAN

RUJUKAN

วัตถุประสงค์เชิงพฤติกรรม

1. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบาย Konsep Utama Teori Role and Reference Grammar (RRG) ได้
2. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถอธิบาย และวิเคราะห์ Representasi Sintaksis dan Representasi Semantik ได้
3. เพื่อให้ผู้เรียนสามารถเข้าใจและมีส่วนร่วมในการดำเนินการวิจัยที่เกี่ยวข้องกับอรรถศาสตร์ภาษามลายูโดยใช้ Teori Role and Reference Grammar (RRG)

กิจกรรมการเรียนรู้ประจำบท

1. การบรรยายประกอบ Power Point
2. การศึกษาเอกสารประกอบการสอน
3. การอภิปรายกลุ่ม
4. การนำเสนอกลุ่มและแลกเปลี่ยนความรู้
5. ทำกิจกรรม/แบบทดสอบหลังเรียน
6. การศึกษาค้นคว้าด้วยตนเอง

สื่อการเรียนการสอน

1. Power point
2. โปรแกรม Google meet
3. เอกสารประกอบการสอน

4. กิจกรรมในห้องเรียน
5. ใบงาน
6. Google Classroom
7. YRU elearning
8. ตัวอย่างบทความวิจัยที่เกี่ยวข้องกับบรรณศาสตร์ภาษามลายู

การวัดและประเมินผล

1. สังเกตจากความสนใจ ความตั้งใจเรียน
2. การมีส่วนร่วมในการทำกิจกรรม
3. การให้ความร่วมมือจากการมอบหมายงาน
4. ตรวจสอบผลงานการทำแบบฝึกหัดท้ายบท การรายงาน และการศึกษาค้นคว้า

แบบทดสอบก่อนเรียน

1. Contohkan 3 kajian yang berkaitan dengan Teori Role and Reference Grammar (RRG)?
2. Bincangkan isu permasalahan dalam contoh kajian tersebut?
3. Jelaskan sebuah teori semantik yang berkaitan dalam kajian bahasa?
4. Apakah unsur semantik dalam kajian bahasa?
5. Bagaimanakah peranan makro mengikut Teori Role and Reference Grammar (RRG)?

BAB 8

TEORI SEMANTIK

8.1 Pengenalan

Teori Role and Reference Grammar (RRG), dirujuk daripada tulisan Van Valin dan LaPolla (1997), Van Valin (2001, 2004 & 2005) dan Emma L. Pavey (2011). Karya Van Valin dan LaPolla (1997) merupakan antara penulisan yang paling lengkap yang menjelaskan pendekatan teori RRG. Hal ini diakui sendiri oleh Van Valin (2001, 2004 dan 2005) yang menghuraikan tentang kemas kini dan perbincangan lanjutan tentang kerangka teori RRG ini.


Walau bagaimanapun, selain daripada penulisan Van Valin dan LaPolla (1997) dan Van Valin (2001 & 2005), pengkaji turut menggunakan kajian-kajian lain yang berkaitan dengan kerangka teori RRG. Manakala hasil analisis yang dikemukakan oleh Maslida Yusof (2015) yang meneliti perkaitan semantik kata kerja dengan preposisi bahasa Melayu. Selain itu, perbincangan yang dilakukan oleh Siti Izura Jamaludin (2016) yang meneliti struktur sintaksis dan semantik klausa relatif dalam bahasa Melayu analisis dengan teori RRG. Hal ini kerana hanya kedua-dua pengkaji inilah yang menggunakan teori RRG secara menyeluruh dalam kajian untuk mengkaji sintaksis dan semantik bahasa Melayu.

8.2 KONSEP UTAMA TEORI ROLE AND REFERENCE GRAMMAR (RRG)

Teori Role and Reference Grammar (RRG) diperkenalkan untuk menjawab dan merungkaikan persoalan asas dalam nahu tatabahasa iaitu pertama apakah bentuk teori linguistik jika ia diaplikasikan kepada analisis bahasa selain daripada bahasa Inggeris. Selain itu, teori RRG juga cuba menjawab persoalan apakah sifat interaksi antara komponen sintaksis, semantik dan pragmatik yang berbeza dalam sistem tatabahasa sesuatu bahasa dapat dihuraikan (Van Valin & LaPolla 1997).

Namun terdapat beberapa aspek penting yang perlu ditekankan dalam penggunaan teori RRG. Pertama, teori ini memandang bahasa sebagai alat komunikasi. Dengan kata lain, bahasa dipandang sebagai suatu sistem komunikasi manusia (*communicative competence*) bukan seperangkat struktur dalam ayat (*syntactic competence*) (Foley dan Van Valin 1984). Kedua, teori RRG berfokus kepada fungsi bahasa (*functional explanation*) khususnya fenomena morfo, sintaksis, relasi pemarkahan, pragmatik, *discourse*, sosiolinguistik seterusnya aspek

semantik, pragmatik dan motivasi sintaksis dimensi kognisi dan teks, hubungannya dengan konteks, serta konsiderasi tipologikal (tipologi leksikal). Rajah di bawah ini menggambarkan hubungan antara tiga struktur utama RRG:



Rajah 8.1 Organisasi Teori RRG

Sumber: Van Valin & LaPolla (1997, 2005)

Berdasarkan rajah 8.1 memperlihatkan interaksi antara representasi sintaksis (struktur), representasi semantik (makna) dan wacana pragmatik (fungsi berkomunikasi) bagi bahasa manusia. Teori ini menunjukkan perkaitan antara representasi semantik bagi ayat dengan representasi sintaksisnya melalui set rumus perkaitan yang dikenali sebagai algoritma perkaitan. Berdasarkan interaksi ini, teori RRG mengutarakan tiga representasi utama ini iaitu representasi struktur sintaksis ayat, representasi semantik, dan representasi struktur maklumat (fokus) bagi ujaran. Representasi sintaksis mengikut kerangka teori RRG ini merupakan gambaran awal kepada bentuk sistem tatabahasa manusia, yang secara tidak langsung mempunyai perkaitan dengan aspek semantik dan pragmatik tatabahasa tersebut. Antara komponen yang terkandung dalam struktur sintaksis ini ialah mengenal pasti unsur-unsur struktur klausa.

8.2.1 Representasi Sintaksis

Mengikut Teori RRG, langkah pertama untuk menerokai hubungan antara sintaksis, semantik dan pragmatik dalam sistem tatabahasa bahasa manusia adalah harus mengenal pasti sifat struktur sintaksis dalam bahasa manusia tersebut. Namun, sifat struktur sintaksis mengikut Teori RRG termasuk dengan unsur-unsur klausa, frasa preposisi dan frasa nama. Dalam Teori RRG hanya mempunyai satu tahap representasi sintaksis yang diutarakan. Dengan secara tidak langsung representasi sintaksis ini juga mempunyai perkaitan dengan aspek semantik dan pragmatik tatabahasa dalam ayat. Oleh itu, gambaran representasi pada awalnya menurut Teori RRG akan ditunjukkan melalui struktur klausa. Melalui Teori RRG, klausa dikatakan

mengandung dua unsur yang penting iaitu struktur bersifat hubungan dan struktur bukan bersifat hubungan.

a. Struktur Klausa

Van Valin & LaPolla (1997: 21) menyatakan bahawa struktur bersifat hubungan merujuk kepada perkaitan yang ada antara predikat dan argumen manakala struktur bukan bersifat hubungan merujuk kepada hierarki bagi konstituen iaitu frasa, klausa dan ayat dalam ayat. Perkaitan struktur hubungan dan struktur bukan-hubungan ini bersifat universal. Keuniversalan ini dilihat dalam semua bahasa kerana semua bahasa mempunyai ciri-ciri perbezaan antara predikat dan argumen. Selain itu, setiap bahasa mempunyai pengelompokan hierarki bagi elemen-elemen dalam ayat. Teori RRG perkaitan antara kedua-dua struktur bersifat hubungan dan struktur bersifat bukan-hubungan dan mempunyai persamaan dengan LFG iaitu Lexical Functional Grammar (LFG). Selain itu, dalam Teori RRG juga representasi sintaksis yang diistilahkan sebagai struktur berlapisan klausa (SBK) atau Layered structure of the clause (LSC) yang mengandungi unjuran konstituen dan unjuran operator.

b. Unjuran Konstituen Bagi Struktur Berlapisan Klausa (SBK)

Teori RRG representasi sintaksisnya digambarkan dalam struktur berlapisan klausa (SBK). Struktur berlapisan klausa (SBK) ini mengandungi dua komponen utama, iaitu unjuran konstituen dan unjuran operator. Representasi struktur berlapisan klausa (SBK) ini, salah satu aspek penting yang mencerminkan perbezaan dalam setiap bahasa terdapat dua unsur iaitu pertentangan antara elemen predikat dengan elemen bukan predikat yang digambarkan dalam jadual 8.2 berikut:

+ Argumen
Bukan – Argumen

Jadual 8.1 Pertentangan universal mendasari struktur klausa (SBK)

Sumber: Van Valin & LaPolla (1997 & 2005)

Menurut Robert Van Valin & LaPolla (1997: 23), dalam klausa terdapat beberapa frasa Nama (FN) dan frasa preposisi (FP), sebahagian daripadanya merupakan argumen semantik

kepada predikat, dan sebahagiannya pula bukanlah argumen kepada predikat. Oleh itu, kedua-dua elemen ini perlulah dibezakan. Perbezaan ini akan dihuraikan berdasarkan perbezaan kedudukan di antara INTI dan SIPIAN dalam klausa. Jadual 8.1 berikut di atas, menunjukkan perbezaan kedudukan kedua-dua elemen melalui struktur berlapisan klausa (SBK):

KLAUSA

INTI

SIPIAN

Jadual 8.2 Komponen Bagi Struktur Berlapisan Klausa (SBK)

Sumber: Van Valin & Lapolla (1997:26)

Berdasarkan jadual 8.2 memaparkan unjuran bagi komponen struktur berlapisan klausa yang (SBK) merupakan representasi komponen-komponen ayat yang berbentuk konstituen. SBK merupakan pembentukan unit dalaman ayat yang dipanggil sebagai 'lapisan' (layers). Lapisan ini merujuk kepada NUKLEUS (NUK) yang dipanggil predikat dan INTI (CORE) yang mengandungi nukleus dan argumennya (ditentukan oleh semantik kata kerja) dan klausa.

Berdasarkan jadual 8.2, NUKLEUS berada dalam INTI sesuatu klausa itu. NUKLEUS biasanya mengandungi kata kerja (kadang kala juga terdiri daripada golongan kata adjektif dan kata nama), dan INTI biasanya mengandungi nukleus dan argumennya. Manakala, KLAUSA pula biasanya terdiri daripada inti, nukleus dan sipian. Namun, keseluruhan pertentangan dan hubung kait ini, merupakan konstituen kepada SBK. Berikut merupakan contoh perkaitan hubungan unit-unit komponen SBK dalam ayat.

(1) Mawardi berlari di padang.

KLAUSA

INTI SIPIAN

Mardi berlari

di padang

Nukleus

Jadual 8.3 Komponen-komponen bagi struktur berlapisan klausa (SBK)

Dalam jadual 8.3, berdasarkan ayat contoh Mardi berlari di padang dapat dilihat bahawa lapisan yang paling dalam bagi klausa diisi oleh komponen nukleus. Kata kerja berlari dalam ayat sebagai predikat. Manakala, bahagian inti pula diduduki oleh nukleus sebagai argumen inti, iaitu terdiri daripada komponen argumen dan predikat. Dalam ayat (1), predikat berlari sebagai nukleus mempunyai satu argumen, iaitu Mardi. Seterusnya, klausa dalam ayat ini mengandungi inti dan sipian. Manakala, pada bahagian sipian pula berada di luar inti yang diwakili oleh frasa di padang dalam ayat (1). Sipian merupakan elemen yang diperlukan oleh predikat. Sebagai contoh, dalam ayat (1) frasa di padang berfungsi sebagai sipian kerana frasa ini tidak wajib hadir untuk melengkapkan predikat berlari. Elemen-elemen nukleus, inti dan sipian ini dikenali sebagai klausa dan setiap bahasa menunjukkan fitur ini.

Sehubungan dengan itu, nukleus, inti dan sipian merupakan fitur universal bagi klausa dan setiap bahasa menunjukkan fitur ini dengan jelas (Van Valin 1997 & 2005). Maslida Yusof (2015: 26) menyatakan bahawa unit-unit seperti NUK, INTI dan SIPIAN merupakan unit sintaksis, sementara unit-unit “predikat” dan “argumen” merupakan unit semantik. Hubungan antara unit semantik dan sintaksis pada struktur lapis klausa dapat dilihat pada Jadual 8.4 yang menunjukkan hubungan antara unit semantik dan sintaksis.

UNIT SEMANTIK	UNIT SINTAKSIS
Predikat	Nukleus
Argumen bagi Inti	Argumen Inti
Bukan Argumen	Sipian
Predikat + Argumen	Argumen
Predikat+Argumen+Bukan Argumen	Klausa (=inti+sipian)

Jadual 8.4 Unit semantik mendasari unit sintaksis bagi struktur berlapisan klausa

Sumber: Van Valin & Lapolla (1997 & 2005)

Selain daripada mengandungi komponen NUK, INTI dan SIPIAN, lapisan klausa boleh juga mengandungi komponen lain seperti slot pra-inti (SPri) dan slot pasca-inti (SPaL). Bagi ayat selapis, SBK mempunyai dua elemen lain: iaitu posisi berasingan-kiri (PBK) dan posisi berasingan kanan (PBKn). Posisi-posisi ini mengandungi unsur-unsur seperti adverba dan FPrep yang dipisahkan daripada klausa oleh kesenyapan atau hentian intonasi. Posisi PBK,

PBK_n, SP_{rL} dan SP_{al} dianggap sebagai aspek bukan universal bagi struktur lapisan klausa kerana posisi ini tidak wajib hadir dalam ayat (Maslida Yusof 2015).

8.2.2 Representasi Semantik

Selain gambaran asas tentang representasi sintaksis dalam Teori RRG pada bahagian pertama, penulis juga akan menghuraikan bentuk representasi semantik. Mengenal pasti representasi semantik ayat merupakan langkah kedua untuk memahami hubungan antara muka di antara sintaksis, semantik dan pragmatik (Van Valin LaPolla 1997). Selain itu, Van Valin (2005) menyatakan bahawa pencirian representasi semantik bagi ayat berdasarkan kepada perwakilan semantik dari kata kerja atau unsur predikat.

Oleh itu, sebahagian besar perbincangan dalam bahagian ini oleh Van Valin (2005) memberi tumpuan kepada perwakilan leksikal kata kerja dan struktur logik dengan beberapa perbincangan terbatas mengenai perwakilan ayat-ayat bahagian semantik iaitu hubungan semantik yang memegang antara kata kerja atau predikat lain dalam ayat. Dengan kata lain, representasi semantik bagi ayat berasaskan kepada representasi leksikal kata kerja atau elemen predikat yang lain. Oleh itu, dalam bahagian ini penulis hanya akan menyentuh tentang representasi kata kerja secara ringkas berserta struktur logiknya. Manakala huraian tentang representasi semantik dalam Teori RRG ini lebih tertumpu kepada aspek operator.

a. Kelas Kata Kerja

Kelas kata kerja dalam Teori RRG bermula dari klasifikasi Aktionsart oleh Vendler (1967) (dalam Robert Van Valin 2005: 31). Beliau mengemukakan empat kelas kata kerja iaitu keadaan, pencapaian, penyempurnaan dan aktiviti. Kelas Aktionsart ini kemudiannya digunakan untuk menentukan jenis atau kelas kata kerja dalam teori RRG. Keadaan merujuk kepada keadaan tidak dinamik dengan tempoh masa tidak terhad. Aktiviti pula bersifat dinamik dan tidak mempunyai had masa. Pencapaian merujuk kepada perubahan yang berlaku serta merta, biasanya ia mengubah kata kerja keadaan dan aktiviti. Pencapaian mempunyai titik penamat (masa). Manakala penyempurnaan pula merujuk kepada perubahan keadaan yang berlaku perlahan-lahan ke arah titik penamat. Contoh kelas kata kerja ini (dalam bahasa Inggeris) adalah seperti berikut:

(2)

- a. States (Keadaan): be sick, be tall, be dead, love, know, believe
- b. Achievements (Pencapaian): pop, explode, shatter (semua kata kerja tak transitif)

c. Accomplishments (Penyempurnaan): melt, freeze, dry (the intransitive version) : learn

d. Activities (Aktiviti): march, walk, roll (versi tak transitif): swim, think, snow, write, drink.

Sumber: Robert Van Valin (2005)

Selain daripada itu, terdapat satu kelas penting yang bukan-Vendlerian Aktionsart, iaitu Semelfaktif oleh Smith (1997) (dalam Robert Van Valin 2005). Menurut beliau, semelfaktif adalah peristiwa tepat waktu yang tidak mempunyai keadaan hasil. Contoh diberikan dalam bahasa Inggeris seperti berikut:

(3)

- a. The light flashed.
- b. Chris coughed.
- c. The tree branch tapped on the window.
- d. Dana glimpsed Kim.

Sumber: Robert Van Valin (2005)

Van Valin (2005) menyatakan bahawa terdapat hubungan antara dua kelas yang sangat penting dalam linguistik, iaitu antara aktiviti dan apa yang dikenali sebagai Aktif Penyempurnaan (Active Accomplishment). Hal ini digambarkan pada contoh dalam bahasa Inggeris berikut:

(4)

- | | |
|--|-----------------------|
| a. The soldiers marched in the park. | Activity |
| a'. The soldiers marched to the park. | Active accomplishment |
| b. Dana ate fish. | Activity |
| b' Dana ate the fish. | Active accomplishment |
| c. Leslie painted (for several hours). | Activity |
| c'. Leslie painted Mary' portait. | Active accomplishment |

Sumber: Robert Van Valin (2005)

b. Struktur Logik dan Representasi Leksikal

Struktur logik (SL) ialah sistem dekomposisi leksikal dalam setiap kelas Aktionsart menurut teori RRG. Dalam teori RRG, perbezaan di antara keempat-empat kelas Aktionsart asas ini direpresentasikan dalam bentuk struktur logik (SL). Jadual 8 .5 menunjukkan perbezaan keempat-empat kelas Aktionsart tersebut.

Jenis Aktionsart	Struktur Logik
Keadaan	Predikat' (x) atau predikat' (x,y)
Pencapaian	INGR Predikat' (x) atau INGR predikat (x,y)
Penyempurnaan	MENJADI predikat' (x) atau MENJADI predikat' (x,y)
Aktiviti melakukan' (x,[predikat' (x)]) atau melakukan' (x,[predikat' (x,y)])	

Jadual 8.5 Representasi Leksikal Bagi Kelas Aktionsart Asas

Pernyataan kata kerja ini disebut 'struktur logik' dan kelas diberikan dalam jadual 8 .5 berpandukan konvensi semantik formal, (yang biasanya predikat) dijelaskan dalam huruf tebal diikuti oleh prime (pred'), manakala elemen-elemen pemboleh ubah yang lain digambarkan dalam huruf biasa. Elemen-elemen huruf tebal + prime (pred') adalah sebahagian daripada perbendaharaan metabahasa (metilanguage) semantik yang digunakan dalam dikomposisi leksikal. Ia bukanlah suatu perkataan biasa dalam bahasa manusia. Dengan itu, representasi yang sama digunakan untuk semua bahasa (yang bersesuaian).

Sebagai contoh struktur logik bagi bahasa Lakhota dan bahasa Inggeris die (tak transitif) direpresentasikan sebagai BECOME dead'(x). Unsur dalam huruf besar INGR (ingressive) dan BECOME merupakan penerang (modifier) bagi predikat dalam struktur logik. Sebagai contoh, ayat bahasa Inggeris The dog died mempunyai struktur logik sebagai BECOME dead' (dog) sementara ayat yang sama dalam bahasa Lakhota iaitu s&u=ka kit'e= 'The dog died' mempunyai struktur logik BECOME dead' (s&u=ka). Manakala dengan andaian yang sama, Maslida Yusof (2006) menunjukkan contoh struktur logik bahasa Melayu bagi ayat, "Anjing itu mati" mempunyai struktur logik MENJADI mati'(anjing).

Seterusnya, penulis akan menerangkan tentang bentuk struktur logik empat kata kerja asas dalam Aktionsart ini. Bagi kata kerja keadaan boleh digambarkan seperti; be' (Pat, [fool']), shattered' (cup), be-in' (library, Kim) dan see'(Dana, picture). Semua struktur logik aktiviti mengandungi predikat aktiviti do' sebagai penanda bagi keahlian dalam unsur ini. Contoh do' (children, [cry',(children)]) dan do' (Carl, [eat' (Carl, pizza)]). Kedua-dua contoh

kata kerja ini merupakan kata kerja aktiviti yang selalu hadir bersama predikat dua argumen iaitu $do'(x, y)$. Jika argumen ditandakan dengan $do'(x, \emptyset)$ atau $melakukan'(x, \emptyset)$ merupakan struktur logik atau mewakili aktiviti yang tidak ditentukan.

Pada kata kerja pencapaian dan penyempurnaan dibentuk daripada predikat keadaan atau aktiviti + (campur) simbol bagi perubahan contohnya: 1). INGR predikat'(x) atau (x,y) 2). INGR $do'(x, [predikat'(x) \text{ atau } (x,y)])$ seperti INGR *shattered'* (window) dan INGR *popped'* (balloon). 'INGR' diterbitkan daripada 'ingresive' dan mengekodkan perubahan segera. Kata kerja penyempurnaan digunakan perkataan BECOME yang mengadakan perubahan kepada jangka masa + predikat keadaan. Contohnya BECOME *melted'* (snow) dan BECOME *know'* (Mary, French). Manakala, contoh pencapaian pula adalah seperti perubahan serta merta kata kerja keadaan misalnya, *xplode* (tak transitif) mempunyai bentuk struktur logik, INGR *exploded'* (x).

Selain daripada empat kata kerja asas ini, terdapat juga beberapa bentuk struktur logik yang lain dalam Teori RRG iaitu bentuk kata kerja semelfaktif terdapat bentuknya SEML predikat' (x) atau (x,y) dan SEML $do'(x, [predikat'(x) \text{ atau } (x,y)])$. Seterusnya, pada kelas kata kerja kausatif, lambang "&" merupakan makna penghubung "dan kemudian". Untuk memberi gambaran representasi leksikal dalam bahasa Melayu ini, kajian ini akan menggunakan istilah bahasa Melayu misalnya, predikat aktiviti dalam bahasa Melayu, digunakan istilah *melakukan'* bagi menggambarkan do' , CAUSE sebagai MENYEBABKAN, BECOME sebagai MENJADI dan NOT sebagai TIDAK.

Kelas Kata Kerja STRUKTUR LOGIK

Keadaan predikat' (x) atau (x,y)

Aktiviti $do'(x, [predikat'(x)])$ atau

$do'(x, [predikat'(x,y)])$ (x,y)]

Pencapaian INGR predikat'(x) atau (x,y), atau

INGR $do'(x, [predikat'(x) \text{ atau } (x,y)])$

Semelfaktif SEML predikat' (x) atau (x,y)

SEML $do'(x, [predikat'(x) \text{ atau } (x,y)])$

Penyempurnaan BECOME predikat'(x) atau (x,y), atau

BECOME $do'(x, [predikat'(x) \text{ atau } (x,y)])$

Aktif Penyempurnaan $do'(x, [predikat1'(x,y)])$ & BECOME

Predikat2' (z,x) atau (y)

Kausatif α CAUSE β , di mana α, β merupakan SL bagi sebarang jenis (kata kerja)

Jadual 8.6 Representasi Leksikal bagi Kelas Aktionsart dalam bahasa Inggeris

Sumber: Van Valin (2005)

c. Perkaitan Semantik Bagi Predikat-Argumen

Sehubungan dengan itu, representasi leksikal bagi kata kerja bahasa Melayu menurut Maslida Yusof (2015) menyatakan bahawa apabila kelas Aktionsart ditentukan melalui ujian diagnosis, kata kerja dan argumennya direpresentasikan oleh struktur logik (SL) yang ditunjukkan dalam Jadual 7.7. Perkaitan semantik antara predikat dengan argumennya yang mengungkapkan peranan peserta dalam hubungan keadaan ditunjukkan oleh kata kerja dipanggil sebagai perkaitan tematik. Dalam sistem pemenggalan leksikal, hanya dua jenis predikat mendefinisikan perkaitan tematik, iaitu keadaan dan aktiviti; jenis-jenis kata kerja yang lain dibentuk daripada dua jenis kata kerja asas ini (lihat Jadual 7.6). Kata kerja keadaan dan aktiviti ada subjenisnya dan bahagian ini akan memperlihatkan interpresentasi semantik bagi argumen dalam struktur logik. Sehubungan dengan itu, setiap posisi argumen dalam struktur logik mendefinisikan perkaitan tematik. Argumen dirujuk sebagai “argumen pertama” atau “argumen kedua” iaitu apabila terdapat lebih daripada satu argumen (Maslida Yusof 2015: 93).

Kelas Kata Kerja STRUKTUR LOGIK

Keadaan predikat' (x) atau predikat'(x,y)

Aktiviti melakukan'(x,[predikat'(x)]) atau
melakukan' (x,[predikat'(x,y)])

Pencapaian INGR predikat'(x) atau
INGR predikat' (x,y)

Penyempurnaan MENJADI predikat'(x) atau
MENJADI predikat'(x,y) atau

Aktif Penyempurnaan melakukan'(x,[predikat'(x,y)]) & MENJADI predikat' (z,x) atau (y)

Kausatif α MENYEBABKAN β , di mana α , β merupakan SL bagi sebarang jenis (kata kerja)

Jadual 8.7 Representasi Leksikal bagi Kelas Aktionsart dalam bahasa Melayu

Sumber: Maslida Yusof (2015)

d. Struktur Logik Operator

Van Valin & LaPolla (1997) telah menyediakan tempat khusus bagi kategori operator dalam struktur logik atau representasi semantik. Teori RRG akan menunjukkan perhubungan atau interaksi antara operator dengan elemen lain dalam representasi semantik tersebut. Terdapat nilai susunan tertentu untuk setiap jenis operator, iaitu bergantung kepada sistem operator yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Misalnya, dalam bahasa yang mempunyai past/non-past tense system (mempunyai sistem kala lepas atau tidak), terdapat nilai untuk operator kala (masa) iaitu, sama ada bahasa tersebut mempunyai sistem kala lepas/ sedang berlaku/masa hadapan. Keadaan ini digambarkan dalam contoh struktur logik operator dalam ayat bahasa Melayu berikut:

- (5) a. kakak boleh menjahit baju.
b. melakukan (x [predikat' (x,y)])
c. < MODAL mampu < melakukan (kakak [menjahit' (kakak, baju)])>>

Sumber: Ardiana Ali Amat (2010)

Berdasarkan ayat di atas, 5 (b) merupakan struktur logik (SL) asas bagi kata kerja aktiviti. SL tersebut menggambarkan SL bagi kata kerja aktiviti, iaitu menjahit. Manakala, dalam 5(c) pula merupakan SL operator 'boleh', yang kemudiannya telah direpresentasikan dalam bentuk italik di dalam tanda kurungan sudut < > yang menunjukkan skopnya, iaitu <MODAL mampu>. Berdasarkan SL tersebut, dapat dilihat bahawa 'boleh' mempunyai makna semantik kemampuan seseorang itu melakukan atau melaksanakan sesuatu perkara. Dalam SL tersebut juga, telah diterangkan bahawa kata 'boleh' ini berperanan sebagai penambah maklumat atau modifer kepada struktur binaan ayat, iaitu pada paras inti.

e. Peranan Semantik Makro

Teori RRG (Van Valin & LaPolla 1997) telah mengambil pendekatan yang berbeza terhadap aspek sintaks-semantik seperti peranan makro. Oleh itu Van Valin (2001) melihat dasar semantik makro iaitu mempunyai dua tahap umum yang diistilahkan sebagai aktor atau pelaku (Actor) dan pengalami (Undergoer). Peranan makro dianggap sebagai generalisasi argumen yang dineutralkan daripada bentuk hubungan tematik. Hubungan tematik antara jenis-jenis peranan semantik diringkaskan dalam Rajah 8.2

Seterusnya, peranan makro yang diperkenalkan oleh Van Valin dan LaPolla (1997) mempunyai dua peranan dalam ayat iaitu ada sebagai pelaku (Actor) dan pengalami

(undergoer). Ia boleh dilihat di dalam sebuah carta yang dikenali sebagai hierarki pelaku dan pengalami seperti rajah 7.1.

AKTOR		PENGALAMI		
Arg. of	1st arg.of	1 st arg. of	2nd arg. of	Arg. of state
Do'	do'(x,...)	pred'(x.y)	predicate'(x.y)	predicate'(x)
[' → = Peningkatan kejelasan bagi realisasi argumen sebagai peranan makro]				

Rajah 8.2 Hubungan Hierarki Pelaku dan Pengalami

Sumber: Van Valin dan LaPolla (1997)

Berdasarkan rajah 8.2, hubungan hierarki pelaku dan pengalami mengikut Teori RRG iaitu mempunyai dua peranan sebagai pelaku (actor) dan pengalami (undergoer) sebagai argumen dalam representasi semantik. Setiap frasa hanya mempunyai satu argumen iaitu satu menjadi sebagai pelaku dan satu lagi sebagai pengalami. Argumen sebelah kiri lebih terdorong menjadi pelaku manakala argumen sebelah kanan lebih terdorong menjadi pengalami. Namun berdasarkan hierarki tersebut juga, Maslida Yusof (2015) telah memberi penjelasan bahawa peranan makro bagi argumen boleh ditentukan berasaskan jenis argumen predikat (aktiviti atau keadaan) dan posisi argumen (pertama atau kedua) dalam struktur logik (SL). Sebagai contoh, kata kerja sing (do' (x,[sing (x)])). Oleh sebab kata kerja sing merupakan kata kerja tak transitif, kata kerja mengambil satu argumen x sahaja. Tambahan lagi, oleh sebab argumen x merupakan argumen pertama bagi do' (x...), ia ditandakan sebagai status aktor mengikut hierarki Aktor-Pengalami.

Selain itu, Pavey (2010) telah menunjukkan peranan makro dalam contoh ayat (6) yang mempunyai peranan sintaktik makro (macroroles), iaitu peranan aktor (actor) dan pengalami (undergoer). Contoh (6 a-e) menunjukkan ayat dalam bahasa Inggeris yang mengandungi argumen semantik yang muncul sebelum kata kerja yang berfungsi sebagai subjek.

- (6)
- a. Larry broke the window.
[do'(Larry,∅)] CAUSE [BECOME broken' (window)]
Larry = EFFECTOR
 - b. The wind is blowing. [do'(wind,[blow'(wind)])
The wind = EFFECTOR (FORCE)
 - c. Mary got a parking ticket. BECOME have' (Mary, parking ticket)
Mary = POSSESSOR
 - d. The giraffes heard the roar. hear' (giraffes,roar)

The giraffes = EXPERIENCER

e. Bob murdered Len.

Do (Bob,[[do'(Bob,Ø)] CAUSE [BECOME dead' (Len)]])

Bob = AGENT

(7) a. Mary gave the man the book.

[do' (Mary, Ø)] CAUSE [BECOME have' (man,book)]

the man = POSSESSOR

b. The giraffes heard the roar. hear'(giraffes, roar)

the roar = STIMULUS

c. The cat popped the balloon. [do'(cat, Ø)]CAUSE [INGR popped'(balloon)]

balloon = PATIENT

Berdasarkan contoh ayat 6 dan 7 dalam bahasa Inggris di atas mempunyai contoh peranan semantik yang berlainan yang boleh didapati dalam ungkapan “objek” pasca kata kerja dalam bahasa Inggris. Berdasarkan contoh aktif dalam bahasa Inggris (6 a-e) di atas, menunjukkan bahawa argumen pelaku (actor) dinyatakan sebagai subjek seperti Larry, Thi wind, Marry, The giraffes dan Bob. Manakala bagi ayat (6 a) Larry (Aktor) sebagai subjek mempunyai struktur logik atau SL [do'(Larry,Ø)] CAUSE [BECOME broken' (window)] sama makna dengan Larry SL [melakukan'(x,Ø)] MENYEBABKAN [INGR rosak'(y)]. Demikian juga dalam ayat 6b) The wind sebagai aktor (x) dengan mempunyai SL [do'(wind,[blow'(wind)] dan sama dengan SL [melakukan'(x,[pukul'(x)]. Seterusnya, dengan contoh ayat (6c) Marry sebagai aktor (x) SL BECOME have' (Mary, parking ticket) iaitu bermakna menyebabkan mempunyai' (Marry, parking tiket). Manakala argumen pengalami (undergoer) pada contoh ayat (7 a-c) seperti the man, the roar dan balloon.

Seterusnya bagi struktur pasif pula, argumen semantik pengalami (undergoer) lazimnya berfungsi sebagai subjek yang berada di hadapan ayat. Ayat (8b) berikut merupakan contoh ayat pasif. Berdasarkan contoh (8) berikut, subjek bagi kedua-dua ayat aktif (8a) dan ayat pasif (8b) telah digariskan.

(8) a. Marry gave the man the book.

Aktif

Marry = Actor

[do' (Mary, Ø)]CAUSE [BECOME have' (man,book)]

b. The man was given the book by Marry.

Pasif

The man = Undergoer

[do' (Mary, Ø)]CAUSE [BECOME have' (man,book)]

Sekiranya diperhatikan kedua-dua contoh ayat pasif dan aktif tersebut, argumen mengalami (undergoer) berada pada kedudukan yang berbeza. Keadaan ini menunjukkan bahawa representasi semantik adalah sama untuk ayat aktif dan pasif. Oleh yang demikian, Emma L. Pavey (2011) telah mengemukakan sebuah carta yang dikenali sebagai hierarki pelaku (actor) dan mengalami (undergoer) bagi memudahkan pemahaman terhadap representasi semantik tersebut.

8.3 KESIMPULAN

Secara ringkasnya, tujuan utama bab ini untuk memberikan penerangan secara terperinci elemen-elemen penting berdasarkan Teori RRG. Bab ini, pengkaji dimulakan dengan penghuraian tentang konsep-konsep asas yang mendasari Teori RRG. Antara, konsep-konsep penting dalam Teori RRG yang telah diterangkan termasuklah konsep utama mengikut Teori RRG, representasi sintaksis dan representasi semantik. Konsep representasi sintaksis termasuklah penjelasan tentang struktur klausa, unjuran konstituen bagi struktur pelapisan klausa (SBK) mengikut Teori RRG. Manakala bahagian konsep representasi semantik pula, diterangkan termasuklah, kelas kata kerja, struktur logik dalam representasi leksikal, perkaitan semantik bagi predikat–argumen, struktur logik operator dan peranan semantik makro.

Melalui huraian yang diberikan juga jelas bahawa RRG telah menunjukkan interaksi dua hala antara bentuk (sintaksis) dan fungsi (makna atau semantik) dalam bahasa manusia. Oleh itu, dalam bab ini penulis akan menggunakan konsep-konsep Teori RRG yang telah diterangkan untuk menganalisis struktur sintaksis dan semantik dalam sesuatu bahasa. Pengaplikasian ujian struktur sintaksis dan semantik sama ada daripada aspek representasi sintaksis mahupun semantiknya. Sehubungan dengan itu, untuk melengkapkan penerangan tentang organisasi Teori RRG, bab ini telah memberikan gambaran berkenaan kepentingan dan hubungan yang berkaitan dengan aspek sintaksis dan semantik. Dengan kata lain, Teori RRG merupakan teori yang lebih menunjukkan interaksi aspek pembinaan (sintaksis) dan fungsi makna (semantik) dalam bahasa manusia.

แบบทดสอบหลังเรียน

1. Contohkan 3 kajian yang berkaitan dengan Teori Role and Reference Grammar (RRG)?

2. Bincangkan isu permasalahan dalam contoh kajian tersebut?

3. Jelaskan sebuah teori semantik yang berkaitan dalam kajian bahasa?

4. Apakah unsur semantik dalam kajian bahasa?

5. Bagaimanakah peranan makro mengikut Teori Role and Reference Grammar (RRG)?

Rujukan

- Emma L. Pavey. 2011. *The Structure of Language An Introduction to Grammatical Analysis*. Cambridge University Press.
- Maslida Yusof. 2015. *Perkaitan Semantik – Sintaksis Kata Kerja dengan Preposisi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Izura Jamaludin. 2016. *Struktur sintaksis dan semantik klausa relatif bahasa Melayu: Analisis Role and Reference Grammar*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Van Valin, Jr. & Robert D. 1999. *Semantic Macroroles in Role and Reference Grammar*. for a survey of other theories of semantic macroroles and a critical comparison of them with the RRG approach..University at Buffalo, The State University of New York. Printed out Thu, Dec 20, 2001.
- Van Valin, Jr. & Robert D. 2007. *The Role and Reference Grammar Analysis of Three-Place Predicates*. *Suvremena Lingvistika* 33.1(63): 31-64.
- Van Valin, Jr. 2005. *Exploring the Syntax-Semantics Interface*. New York: Cambridge University Press.
- Van Valin, R & LaPolla, R. 2001. *An Introduction to Syntax*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Van Valin, R. & LaPolla, R. 1997. *Syntax: structure, meaning and function*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Van Valin, R. & LaPolla, R. 2005. *Exploring the syntax-semantics interface*. New York: Cambridge University Press.
- Van Valin, R.D. 2003. *A brief overview of role and reference grammar*. <http://www.acsu.buffalo.edu/~rrgpage/rrg/RRGpaper.pdf> [21 Januari 2009].